# LAPORAN TAHUNAN

## PENYATA KEWANGAN

# 2020

Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM)

# 2020

# LAPORAN TAHUNAN

## PENYATA KEWANGAN




## RASIONAL MUKA DEPAN

Warna kuning adalah tunjang utama yang melambangkan LJBM, dan reka bentuk ini menerangkan tanggungjawabnya dalam mentadbir sektor Ukur Bahan di Malaysia, melindungi kepentingan pengguna dan awam serta hak Juruukur Bahan dan sektor Ukur Bahan yang berdaftar.

Kuning mewakili pelbagai emosi, termasuk kebahagiaan, spontan, dan semangat. Penggunaan ciri kuning dalam reka bentuk kami bermatlamat untuk meningkatkan tenaga pembaca dan menceriakan pengalaman membaca selaras juga dengan warna koporat LJBM.

Ia adalah bayangan ibu negara, Kuala Lumpur. Mewakili visi LJBM dalam menjadi agensi terutama yang cemerlang dalam pentadbiran sektor ukuran kuantiti dan kos kejuruteraan. Di samping itu, misi LJBM juga untuk menggalakkan pembangunan sektor ukuran kuantiti dan pengiraan kos kejuruteraan yang bertaraf dunia melalui penyeliaan dan pembangunan profesional yang berterusan.

# LAPORAN TAHUNAN PENYATA KEWANGAN

## OBJEKTIF LAPORAN TAHUNAN

*i.* Membantu pemahaman mengenai sesebuah BBP, objektif, fungsi dan operasinya termasuk program, aktiviti dan projek yang dijalankan sepanjang tahun;

*ii.* Memberi maklumat mengenai perancangan dan hala tuju BBP;

*iii.* Memberi maklumat mengenai matlamat dan pencapaian *outcome* program, aktiviti dan projek;

*iv.* Memberi gambaran mengenai kedudukan kewangan secara keseluruhan;

*v.* Memberi maklumat mengenai kesan dan impak pelaksanaan program, aktiviti dan projek kepada perubahan tahap sosio-ekonomi golongan sasar; dan

*vi.* Memberi maklumat mengenai penyediaan sumber dan bantuan oleh Kerajaan Persekutuan kepada BBP.

# ISI KANDUNGAN

2020


ms 01 PERAKUAN BERKANUN

ms 02 PERUTUSAN YANG DIPERTUA

ms 11 MAKLUMAT PENGURUSAN

ms 21 MAKLUMAT LEMBAGA PENGARAH

ms 27 MAKLUMAT STATISTIK

ms 33 LAPORAN PENERIMAAN DAN PENGGUNAAN SUMBER PEMBIAYAAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

ms 35 LAPORAN DAN ANALISIS PRESTASI KEWANGAN

ms 41 AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2020

ms 63 PENYATA KEWANGAN 2020




# PERAKUAN BERKANUN

Selaras dengan Seksyen 8, Akta Badan Berkanun Persekutuan [Akta 240], Lembaga Juruukur Bahan Malaysia dengan ini menerbitkan dan menghantar satu Salinan Laporan Tahun 2020 dan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 yang telah diaudit dan disahkan oleh Ketua Audit Negara. Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan ini akan dibentangkan di Parlimen Malaysia.

Bagi tujuan Seksyen 8, Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240], laporan aktiviti Lembaga Juruukur Bahan Malaysia dan perkara-perkara lain yang berkaitan berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PA 3.2 bertarikh 16 Ogos 2021 bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 juga telah dimasukkan sebagai salah satu bahagian penting dalam Laporan Tahunan 2020 ini.

DATO' Sr AZIZ BIN ABDULLAH, *CQS*
Yang DiPertua
Lembaga Juruukur Bahan Malaysia



# 01

# PERUTUSAN YANG DIPERTUA



"Pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia dijadikan peluang oleh Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM) untuk membincangkan cadangan penambahbaikan halatuju profesion ukur bahan bagi menentukan risiko dan peluang."

# PERUTUSAN YANG DIPERTUA

**Dato' Sr Aziz Abdullah, *CQS***

Assalamualaikum w.b.t. dan Salam Sejahtera,

Umum mengetahui fenomena pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia pada tahun 2020 telah menguji keseluruhan sistem kesihatan, keselamatan, perniagaan & kewangan (ekonomi) dan juga sosial. Trend global telah turut menyaksikan peralihan ke norma baharu di abad ini dan seluruh dunia terpaksa menyesuaikan keadaan dengan perubahan yang ketara. Operasi perniagaan dan perkhidmatan perlu bertindak balas pantas untuk menyesuaikan diri dengan perubahan supaya ekonomi dapat dipulihkan segera.

Pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia dijadikan peluang oleh Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM) untuk membincangkan cadangan penambahbaikan halatuju profesion ukur bahan bagi menentukan risiko dan peluang. LJBM turut mengkaji pencapaian Pelan Strategik dan meneliti Garis Panduan serta Standard Office Procedure (SOP) agar sentiasa relevan dengan pindaan-pindaan semasa berkaitan ekonomi dan masyarakat.

## INISIATIF PELAKSANAAN BAGI MENGURANGKAN KESAN COVID-19

Dalam menjalankan fungsinya, LJBM telah mengambil inisiatif untuk meringankan beban kewangan ahli dengan menawarkan moratorium yang berikut:

- Pembayaran berjadual bagi pembaharuan pendaftaran;
- Pelanjutan tempoh pembaharuan pendaftaran dari 31 Mac 2021 hingga 30 September 2021;
- Pengecualian pengumpulan mata Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) untuk tujuan pembaharuan 2021 untuk ahli-ahli berdaftar dikalangan Juruukur Bahan Profesional (PQS) dan Juruukur Bahan *Consultant* (CQS) serta pengurangan mata CPD bagi ahli *Provisional Quantity Surveyor* (PVQS) dan *Quantity Surveyor Technologist* (QST) dari 5 mata kepada 1 mata pada tahun 2021.

Pengecualian keperluan mengumpul mata CPD adalah inisiatif LJBM bagi membantu meringankan beban firma menampung fi pendaftaran latihan untuk kakitangan. Pun begitu, LJBM sentiasa menggalakkan semua ahli untuk meningkatkan kompetensi secara berterusan melalui medium-medium lain seperti menyertai sesi webinar percuma yang dianjurkan oleh LJBM bagi membolehkan mereka menjadi profesional yang kekal berdaya saing.



Selain dari itu LJBM juga telah memperkenalkan Cap Juruukur Bahan yang baharu yang dijual pada kadar RM100.00 seunit berbanding RM208.00 seunit sebelum ini. Pemakaian cap ini telah berkuatkuasa mulai 1 Jun 2021 dan didapati jumlah tempahan terus meningkat sejak ianya diperkenalkan.

LJBM sentiasa prihatin tentang perkembangan semasa ahli-ahlinya. Dalam tempoh yang mencabar ini, beberapa kaji selidik telah dijalankan bagi mendapatkan maklumat kepuasan pelanggan dan maklumbalas daripada pihak berkepentingan. Hasil dapatan kaji selidik digunakan sebagai penanda aras bagi tujuan menambahbaik sistem pendaftaran dan pembaharuan pendaftaran, menyemak semula keperluan pengumpulan mata CPD dan mendapatkan maklumbalas tentang yuran-yuran yang dikenakan bagi tujuan menaiktaraf pendaftaran. Kaji selidik juga telah dilaksanakan bagi mendapatkan maklumbalas situasi semasa firma perunding ukur bahan. Analisis kaji selidik telah dibincangkan secara terperinci dan suara perunding telah disalurkan kepada agensi yang berkaitan melalui Persatuan Perunding Ukur Bahan Malaysia (ACQSM).

## PEMANTAUAN DAN PENGUKURAN PRESTASI

Pihak Pengurusan LJBM komited dalam memastikan kelancaran dan kejayaan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti di LJBM. Pemantauan dan pengurusan prestasi dibincangkan dan ditambahbaik di mesyuarat Kajian Semula Pengurusan yang diadakan pada setiap tahun. Selain itu, pemantauan sentiasa dibincangkan di mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa secara berterusan. LJBM mengambil pendekatan serta menetapkan bahawa penyampaian perkhidmatan yang tidak dapat dijalankan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan tidak diukur sebagai kegagalan agensi menyampaikan perkhidmatan.

Pelan Strategik Kementerian Kerja Raya 2021-2025 telah menekankan penggunaan teknologi digital untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan awam dengan lebih efektif dan berkesan. Perubahan menerusi norma baharu telah dengan secara tidak langsung menjadikan amalan kerja beralih ke era digitalisasi hampir sepenuhnya. Di LJBM, perjalanan operasi diteruskan secara dalam talian dan juga pelaksanaan secara hibrid. Infrastruktur teknologi maklumat dipertingkatkan dengan peruntukan bajet yang lebih tinggi bagi menampung keperluan ini.

Dalam konteks penyampaian prestasi perkhidmatan ukur bahan, firma perunding ukur bahan diingatkan untuk sentiasa meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka sesuai dengan keperluan norma baharu. Adalah mustahak bagi firma perunding ukur bahan untuk terus mengikuti perkembangan teknologi agar dapat bersaing didalam industri ini. Dalam hal ini LJBM sedar bahawa penyediaan infrastruktur teknologi telah sedikit sebanyak meningkatkan kos operasi dan membebankan kewangan firma. Justeru, LJBM sedang mengadakan perbincangan secara berterusan bersama pihak *Malaysian Investment Development Authority* (MIDA) untuk membantu melayakkan firma perundung ukur bahan memohon geran dan peruntukan bagi tujuan tersebut. Adalah diharapkan inisiatif ini akan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh firma untuk mengautomasi operasi, meningkatkan daya saing dan kecekapan.

## KESTABILAN KEWANGAN MENJADI TUNJANG BAGI KELANGSUNGAN OPERASI

LJBM adalah Badan Berkanun Persekutuan yang diasingkan saraannya. Pendapatan dan kebolehupayaan perbelanjaan adalah bergantung sepenuhnya melalui hasil kutipan yuran pendaftaran dan pembaharuan pendaftaran ahli disamping lebihan pendapatan yang diterima daripada penganjuran seminar. Hasil pendapatan yang diterima melalui lebihan penganjuran seminar adalah sangat minimum pada tahun 2020 dimana hanya dua (2) seminar sahaja dapat dianjurkan pada tahun tersebut berikutan kekangan Perintah Kawalan Pergerakan. Penurunan ini telah memberi kesan kepada pola pendapatan LJBM secara keseluruhannya.

### PELABURAN

Jumlah pelaburan pada tahun 2020 adalah RM4,534,427.00 meningkat sebanyak RM171,338.00 berbanding tahun 2019. Simpanan tetap di Maybank Islamic Berhad sehingga tahun berakhir 31 Disember 2020 adalah RM715,069.00.

### YURAN AHLI

Yuran yang terdiri daripada yuran pendaftaran, pembaharuan pendaftaran dan pemulihan pendaftaran berjumlah RM2,152,700.00




### PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 2020

- Pendapatan RM2,774,626.00 pada tahun 2020 berbanding RM3,541,788.00 pada tahun 2019. Hanya dua (2) program CPD dapat dilaksanakan berikutan kesan kepada penularan wabak COVID-19.
- Perbelanjaan mencatatkan penurunan iaitu RM313,721.00. Ini adalah disebabkan oleh perancangan bagi penganjuran beberapa aktiviti tidak dapat diteruskan berikutan penularan wabak COVID-19.
- Lebihan pendapatan selepas cukai adalah RM742,143.00 pada tahun 2020 berbanding RM1,188,837.00 pada tahun 2019.

### PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR

- Jumlah pendapatan sebenar adalah RM2,763,311.00 berbanding bajet akhir RM2,278,250.00. Ianya menunjukkan varian sebanyak (RM485,061.00).
- Jumlah perbelanjaan sebenar adalah RM1,996,787.00 berbanding bajet akhir RM1,966,579.00. Varian adalah (RM30,208.00).
- Cukai pendapatan adalah (RM29,362.00), bajet awal (RM43,553.00), bajet akhir (RM43,636.00), varian bajet (RM14,274.00).
- Lebihan pendapatan selepas cukai adalah RM737,162.00 dengan varian bajet direkodkan adalah (RM469,127.00).

## LAPORAN DAN ANALISIS PRESTASI KEWANGAN

### BERIKUT MERUPAKAN PRESTASI BAGI TEMPOH 5 TAHUN (2020-2016)

| **Pendapatan dan Perbelanjaan** | **Tahun Berakhir 31 Disember (RM'000)** | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | **2020** | **2019** | **2018** | **2017** | **2016** |
| Jumlah Pendapatan | 2,774.63 | 3,541.79 | 3,567.31 | 2,434.90 | 1,969.78 |
| Jumlah Perbelanjaan (Termasuk Cukai Pendapatan) | 2,032.48 | 2,352.95 | 2,191.47 | 2,162.86 | 1,717.68 |
| 1. Nisbah Perbelanjaan Kepada Pendapatan | 1.37 | 1.51 | 1.63 | 1.13 | 1.15 |
| 2. Untung Bersih Bagi Tahun | 742.14 | 1,188.84 | 1,375.85 | 272.04 | 252.10 |

### JUMLAH PENDAPATAN LJBM (TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER) (RM'000)




Pada tahun 2020, jumlah pendapatan LJBM menurun sebanyak RM767.16 ribu (21.66%) berbanding RM3,541.79 ribu pada tahun 2019.

### JUMLAH PERBELANJAAN (TERMASUK CUKAI PENDAPATAN) TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER (RM'000)




Perbelanjaan bagi tahun 2020 pula menurun sebanyak RM320.47 ribu (13.54%) berbanding RM2,352.95 ribu pada tahun 2019.

| Aset, Ekuiti dan Liabiliti | Tahun Berakhir 31 Disember (RM'000) | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | **2020** | **2019** | **2018** | **2017** | **2016** |
| **1. Jumlah Aset** | | | | | |
| - Aset Bukan Semasa | 4,752.99 | 4,515.69 | 4,010.14 | 3,429.40 | 2,580.29 |
| - Aset Semasa | 4,185.59 | 3,058.62 | 2,400.71 | 1,607.14 | 1,568.82 |
| | **8,938.58** | **7,574.31** | **6,410.85** | **5,036.54** | **4,149.11** |
| **2. Jumlah Equiti** | | | | | |
| - Keuntungan Terkumpul | 7,143.87 | 6,401.73 | 5,212.89 | 3,837.04 | 3,565.00 |
| **3. Jumlah Liabiliti** | | | | | |
| - Liabiliti Bukan Semasa | 40.35 | 28.93 | 95.66 | 117.91 | - |
| - Liabiliti Semasa | 1,754.36 | 1,143.66 | 1,102.31 | 1,081.59 | 584.10 |
| | **1,794.71** | **1,172.59** | **1,197.97** | **1,199.50** | **584.10** |
| **4. Jumlah Ekuiti dan Liabiliti** | **8,938.58** | **7,574.31** | **6,410.85** | **5,036.54** | **4,149.11** |

Terdapat peningkatan jumlah aset pada tahun 2020 sebanyak RM1,364.26 ribu iaitu 18.01% berbanding RM1,172.59 ribu pada tahun 2019. Di samping itu, jumlah liabiliti turut meningkat sebanyak RM622.12 ribu iaitu 53.06% daripada RM1,172.59 ribu pada tahun 2019. Jumlah keuntungan terkumpul meningkat sebanyak RM742.14 ribu iaitu 37.57% disebabkan lebihan pendapatan selepas cukai.

## JUMLAH ASET (TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER) (RM'000)



## ANALISA KEWANGAN 5 TAHUN LJBM

Berikut merupakan analisa kewangan bagi tempoh 5 tahun (2020-2016)

| Nisbah Kewangan | Tahun Berakhir 31 Disember (RM'000) | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | 2020 | 2019 | 2018 | 2017 | 2016 |
| **Nisbah Kecairan** | | | | | |
| - Nisbah Semasa | 2.39 | 2.67 | 2.18 | 1.49 | 2.69 |
| - Nisbah Tunai | 2.02 | 2.21 | 2.00 | 1.44 | 2.55 |




## NISBAH SEMASA

Pada tahun 2020, LJBM mempunyai aset semasa 2.39 kali ganda daripada liabiliti semasa. Ini bermakna LJBM mempunyai kemampuan untuk membayar balik liabiliti semasa/hutang jangka pendek. Nisbah semasa tahun 2020 menurun sebanyak 0.28 berbanding 2.67 bagi tahun 2019.

## NISBAH TUNAI

Nisbah tunai sebanyak 2.02 menunjukkan dimana aset-aset cair dipegang oleh LJBM berbanding dengan jumlah liabiliti semasa. Nisbah ini menunjukkan kecairan sebenar LJBM dalam membiayai liabiliti semasa tanpa mengambilkira aset semasa yang belum pasti dapat ditunaikan dalam masa yang singkat.

## PROSPEK DAN STRATEGI KORPORAT UNTUK MASA HADAPAN

01
Pelan Strategik LJBM 2022-2026

02
Pelan Anti Rasuah

03
Rancangan Pemulihan Bencana

04
Penambahan Skop ISO 9001:2015

05
Penambahbaikan Akta Juruukur Bahan 1967 dan Kaedah-Kaedah Ukur Bahan

06
Pengurangan Tempoh Pemprosesan Permohonan Penganjur Program CPD daripada 2 Bulan kepada 1 Bulan

07
Prosedur Pendaftaran dan Pembaharuan Pendaftaran dalam Tempoh Pandemik

08
Kawalan Dalaman ICT

09
Pemakaian Sistem Kewangan Saga

10
Pembangunan Laman Web Baharu

11
Pembangunan Sistem Pendaftaran Modul APC, *Ethics Assessment, Myprofessional Journey*

12
Penubuhan *Integrity and Governance Unit*



**YB DATO' SRI HJ. FADILLAH HAJI YUSOF**
**MENTERI KANAN KERJA RAYA**



**YBHG. DATUK DR. SYED OMAR SHARIFUDDIN SYED IKHSAN**
**KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KERJA RAYA**

Setulus penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri Kanan Kerja Raya Malaysia, YBhg. Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya Malaysia, pengurusan tertinggi dan pegawai-pegawai Kementerian Kerja Raya Malaysia, Ahli-Ahli Lembaga, Ahli-Ahli Jawatankuasa, wakil-wakil Kementerian, Sekretariat Lembaga Juruukur Bahan Malaysia dan rakan-rakan strategik yang lain yang telah menyumbang secara langsung dan tidak langsung kepada kejayaan aktiviti yang dijalankan oleh Lembaga Juruukur Bahan Malaysia. Sumbangan dan komitmen yang diberikan amat dihargai dan didoakan agar sentiasa diberi kesihatan yang baik dan memperolehi kejayaan di masa hadapan.



02

# MAKLUMAT PENGURUSAN



Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM) adalah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Parlimen iaitu Akta Juruukur Bahan 1967 (pindaan 2015)

## PENGENALAN KORPORAT

Untuk menjadi agensi cemerlang yang ulung dalam mengawalselia profesion ukur bahan dan kejuruteraan kos

## VISI

Untuk memupuk perkembangan profesion ukur bahan dan kejuruteraan kos yang bertaraf antarabangsa melalui kawalseliaan dan pembangunan profesion yang berterusan

## MISI



# MAKLUMAT KORPORAT

## OBJEKTIF

Objektif-objektif LJBM adalah:

- Untuk melindungi kepentingan orang awam
- Untuk memastikan pertanggungjawaban dan kualiti perkhidmatan
- Untuk melindungi hak dan kepentingan Juruukur Bahan berdaftar selaras dengan Akta Juruukur Bahan
- Untuk terlibat sama dalam merangka polisi kerajaan yang berkaitan dengan profesion
- Untuk memastikan profesion ukur bahan sentiasa relevan dan lestari

## PIAGAM PELANGGAN

Piagam Pelanggan adalah untuk memproses dan meluluskan semua permohonan yang lengkap untuk pendaftaran dengan Lembaga dalam tempoh masa dua bulan daripada tarikh penerimaan sesuatu permohonan oleh Lembaga.

# STRUKTUR ORGANISASI

LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA • SESI KE-19 TAHUN 2019-2021



# STRUKTUR ORGANISASI SEKRETARIAT

LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA • SESI KE-19 TAHUN 2019-2021

**SETIAUSAHA EKSEKUTIF**
EMI AZWA HARUN

## UNIT PENDAFTARAN & TEKNOLOGI MAKLUMAT

**Pegawai Teknologi Maklumat**
Pendaftaran & Teknologi Maklumat
HAZATULLAILA ZAINOL

**Pen. Pegawai Tadbir**
Pendaftaran & Teknologi Maklumat
ALINA SARIP

**Pen. Pegawai Tadbir**
Pendaftaran & Teknologi Maklumat
YANTO TAMAR

**Pen. Pegawai Tadbir**
Pendaftaran & Teknologi Maklumat
AZIDEE AZMAN

## UNIT KOMUNIKASI KORPORAT & KEWANGAN

**Pegawai Tadbir**
Perolehan, Pengurusan Aset & Fasiliti
FAIZAH ISMAIL

**Pegawai Tadbir**
Komunikasi, Kualiti & Sumber Manusia
AFIFAH KAMAROL ARIFFIN

**Pembantu Operasi**
RUZAINI IDERIS

**Akauntan**
MUHAMMAD IKMAL HIJJAZ ABDUL WAHID

**Pen. Pegawai Tadbir**
NOR HISHAM MD ALI

**Pegawai Tadbir**
Continiuous Professional Development (CPD)
FADHILAH HASAN

**Pembantu Operasi**

## UNIT PROFESSIONAL STANDARD

**Pegawai Tadbir**
Professional Standard
RAZIF MOHAMED

**Pegawai Tadbir**
Skala Fi Dan Amalan, Tatasusila & Akta Dan Hubungan Antarabangsa
NUR AFZA AZIZ

**Pegawai Tadbir**
Peperiksaan & Assesment of Professional Competence (APC)
MUHAMMAD AKIF AIRULANUAR

**Pegawai Tadbir**
Akreditasi
NUR MAWARDDAH YAHYA

**Pen. Pegawai Tadbir**

**CONTOH**

**PERAKUAN UNTUK DITANDATANGANI OLEH AHLI LEMBAGA**
**LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA**
**DEKLARASI INTEGRITI AKTA RAHSIA RASMI 1972**

Adalah saya dengan ini mengaku bahawa perhatian saya telah ditarik kepada peruntukan-peruntukan Akta Rahsia Rasmi, 1972 dan bahawa saya faham dengan sepenuhnya akan segala yang dimaksudkannya dalam Akta itu. Khususnya saya faham bahawa menyampaikan, menggunakan atau menyimpan dengan salah, sesuatu benda rahsia, tidak menjaga dengan cara yang berpatutan sesuatu rahsia atau apa-apa tingkah laku yang membahayakan keselamatan atau rahsia sesuatu benda rahsia adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Akta tersebut, yang boleh dihukum maksimum penjara seumur hidup.

Saya faham segala maklumat rasmi yang saya perolehi dalam perkhidmatan Seri Paduka Baginda Yang diPertuan Agong atau perkhidmatan mana-mana Kerajaan dalam Malaysia, adalah milik Kerajaan dan tidak akan membocorkan, menyiarkan atau menyampaikan, sama ada secara lisan atau bertulis, kepada sesiapa jua dalam apa-apa bentuk, kecuali pada masa menjalankan kewajipan-kewajipan rasmi saya, sama ada dalam masa atau selepas pelantikan saya sebagai Ahli Lembaga, Lembaga Juruukur Bahan Malaysia dengan tidak terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis Yang DiPertua, Lembaga Juruukur Bahan Malaysia.

Tandatangan: ..................................................................................................

Nama dengan huruf besar: ..................................................................................................

No. Kad Pengenalan: ..................................................................................................

Tarikh: .................................................................................................

Disaksikan oleh: .................................................................................................

Nama dengan huruf besar: .................................................................................................

No. Kad Pengenalan: .................................................................................................

Jawatan: ..................................................................................................

Tarikh: .................................................................................................

Cop Jabatan:

**CONTOH**

**PERAKUAN UNTUK DITANDATANGANI OLEH AHLI LEMBAGA**
**LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA (LJBM)**
**DEKLARASI INTEGRITI MENANGANI RASUAH**

Adalah saya dengan ini mengaku bahawa perhatian saya telah ditarik kepada peruntukan-peruntukan Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 (Pindaan 2018) dan bahawa saya faham dengan sepenuhnya akan segala yang dimaksudkan di dalam Akta tersebut.

Saya telah membaca dan dengan ini akan:

i. mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan anti-rasuah, penipuan dan rasuah yang berlaku di Malaysia termasuk kebajikan, tadbir urus dan "Standard Office Prosedure" LJBM;
ii. mematuhi prinsip anti-rasuah:
iii. komited untuk mempromosikan nilai-nilai integriti, ketelusan, kebertanggungjawaban dan tadbir urus korporat yang baik;
iv. mengukuhkan sistem dalaman yang menyokong pencegahan rasuah;
v. mencegah rasuah dan memerangi segala bentuk amalan rasuah; dan
vi. menyokong inisiatif antirasuah yang diketuai oleh pemerintah dan pihak berkuasa yang berkaitan.

Saya faham Peruntukan undang-undang yang juga dikenali sebagai liabiliti korporat ini ialah untuk menggalakkan aktiviti LJBM dijalankan dengan integriti tanpa rasuah dan mempromosi amalan tadbir urus yang baik dalam organisasi.

Tandatangan: ..................................................................................................

Nama dengan huruf besar: ..................................................................................................

No. Kad Pengenalan: ..................................................................................................

Tarikh: .................................................................................................

Disaksikan oleh: .................................................................................................

Nama dengan huruf besar: .................................................................................................

No. Kad Pengenalan: .................................................................................................

Jawatan: ..................................................................................................

Tarikh: .................................................................................................

Cop Jabatan:

**CONTOH**

# MANUAL
# PERANCANGAN STRATEGIK
# LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA

intertek
Total Quality. Assured.

# CERTIFICATE OF REGISTRATION

**This is to certify that the management system of:**

## Lembaga Juruukur Bahan Malaysia

Main Site: Tingkat 17, Ibu Pejabat JKR, Jalan Sultan Salahuddin,

50582 Kuala Lumpur, Malaysia

**has been registered by Intertek as conforming to the requirements of:**

## ISO 9001:2015

### The management system is applicable to:

Registration and Renewal of Registration / Permits of Quantity Surveyors and Firms or Bodies Corporate Practising as Consulting Quantity Surveyors

Certificate Number:
QS167188-1

Initial Certification Date:
6 August 2004

Last Certificate Expiry Date:
3 July 2019

Date of Recertification Audit:
3 July 2019

Certification Cycle Start:
22 July 2019

Issuing Date:
22 July 2019

**Valid Until:**
3 July 2022

ISO 9001:2015 CERTIFICATION ™
Intertek

STANDARDS MALAYSIA ACCREDITED CERTIFICATION BODY
QS 10082001 CB 02

**Calin Moldovean**
President, Business Assurance

Intertek Certification International Sdn Bhd, D-28-3, Level 28, Menara Suezcap 1, No. 2, Jalan kerinchi, Gerbang Kerinchi Lestari, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Intertek Certification International Sdn Bhd is a STANDARDS MALAYSIA accreditation granted under schedule under Sect 16 (2)(3), Standards of Malaysia Act 1996, Act 549

In the issuance of this certificate, Intertek assumes no liability to any party other than to the Client, and then only in accordance with the agreed upon Certification Agreement. This certificate's validity is subject to the organisation maintaining their system in accordance with Intertek's requirements for systems certification. Validity may be confirmed via email at certificate.validation@intertek.com or by scanning the code to the right with a smartphone. The certificate remains the property of Intertek, to whom it must be returned upon request.





# 03

# MAKLUMAT LEMBAGA PENGARAH

# AHLI LEMBAGA

SESI KE-19 TAHUN 2019-2021



## YANG DIPERTUA

Dato' Sr Aziz Abdullah, *CQS*

## PENDAFTAR

Sr Noraisah Kadirin, *CQS*

## SETIAUSAHA

Sr Jamisah Ibrahim, *CQS*

## AHLI-AHLI

- Sr Nik Zainal Alam Hasan, *CQS*
- Sr Amran Mohd Majid, *CQS*
- Sr Maselawati Shamsuddin, *CQS*
- Sr Isabel Sim Tseu Yu, *CQS*
- Sr Dainna Baharuddin, *CQS*
- Sr Noridah Shaffii, *CQS*
- Sr Mohamad Shazali Sulaiman, *CQS*
- Mendiang Sr Moh Mee Ying, *CQS*
- Sr Kamarudin Sulaiman, *CQS*
- Prof Madya Sr Dr. Lim Yoke Mui, *CQS*
- Sr Mohd Sahak Surip, *CQS*
- Sr Roziyah Ismail, *CQS*
- Sr Muhamad Zulazhar Mohd Ghazali, *CQS*
- Sr Rogayah Yunus, *PQS*
- Sr Chong Choung Henn @ Samuel, *CQS*

## WAKIL DARIPADA LEMBAGA

- Ir. Sundraraj a/l A. Krishnasamy (Wakil Lembaga Jurutera Malaysia)
- Ar. Mustapha Mohamed Salleh (Wakil Lembaga Arkitek Malaysia)



# STATISTIK BILANGAN MESYUARAT LEMBAGA

SESI KE-19 TAHUN 2019-2021






**STATISTIK KEHADIRAN MESYUARAT LEMBAGA SESI KE-19 (2019-2021)**

# 89.5%

PERATUS KEHADIRAN



# 05

# MAKLUMAT STATISTIK



# STATISTIK PENDAFTARAN

AHLI JURUKUR BAHAN BERDAFTAR • SETAKAT DISEMBER 2020

## JUMLAH PENDAFTARAN INDIVIDU MENGIKUT TAHUN

(Juruukur Bahan *Technologist*, Juruukur Bahan *Consultant*, Juruukur Bahan *Professional* dan Juruukur Bahan *Provisional*)




## STATISTIK PENDAFTARAN SETAKAT 31 DISEMBER 2020

| | Individu | Firma |
|---|---|---|
| Pendaftaran Baharu Tahun 2020 | 846 | 15 |
| Pemasukan Semula Pendaftaran Tahun 2020 | 90 | 2 |
| Lulus Pembaharuan Pendaftaran Tahun 2020 | 3,705 | 364 |
| Jumlah Aktif Individu dan Firma | 4,641 | 381 |

## PECAHAN STATISTIK PENDAFTARAN BAGI TAHUN 2020

Pendaftaran Individu
Jumlah Pendaftaran: 846 Orang




Pendaftaran Firma
Jumlah Pendaftaran: 15 Firma




# MAJLIS PEPERIKSAAN

BAGI TAHUN 2020

### KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SESI JULAI 2020

3
Lulus

16
Gagal

16%
Peratus Lulus

Jumlah Calon: 19

### KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SESI DISEMBER 2020

15
Lulus

5
Gagal

75%
Peratus Lulus

Jumlah Calon: 20

# SENARAI PROGRAM UKUR BAHAN YANG DIIKTIRAF

MAJLIS AKREDITASI • BAGI TAHUN 2020

LJBM telah meluluskan akreditasi bagi program ukur bahan yang ditawarkan oleh Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) tempatan dan luar negara sehingga 2020 seperti berikut:

| Bil. | Program Ijazah Ukur Bahan Yang Diiktiraf (Malaysia) | Tempoh Akreditasi |
|---|---|---|
| 1. | Universiti Teknologi Mara (UiTM) Seri Iskandar<br>*Bachelor of Quantity Surveying (Hons)* | 09.09.2018 - 08.09.2023 |
| 2. | Universiti Sains Malaysia<br>*Bachelor of Science (Housing, Building & Planning) (Hons) (Quantity Surveying)* | 29.08.2019 - 28.08.2024 |
| 3. | Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam<br>*Bachelor of Quantity Surveying (Hons)* | 25.07.2019 – 24.07.2024 |
| 4. | Infrastructure University Kuala Lumpur<br>*Bachelor of Quantity Surveying (Hons)* | 18.06.2019 – 17.06.2022 |
| 5. | Universiti Tunku Abdul Rahman (Sg. Long Campus)<br>*Bachelor of Science (Hons) Quantity Surveying* | 20.01.2017 – 21.01.2022 |
| 6. | Taylor's University<br>*Bachelor in Quantity Surveying (Hons)* | 20.01.2016 – 19.01.2021 |
| 7. | Linton University College<br>*Bachelor of Science (Hons) in Quantity Surveying* | 28.08.2018 – 27.02.2021 |
| 8. | UCSI University<br>*Bachelor of Quantity Surveying (Hons)* | 28.02.2018 – 27.02.2021 |
| 9. | University of Reading Malaysia<br>*Bsc (Hons) Quantity Surveying* | 20.07.2018 – 19.07.2021 |
| 10. | University Malaysia Sarawak<br>*Bachelor of Quantity Surveying (Hons)* | Julai 2018 – Oktober 2022 |
| 11. | Kolej Universiti Imperia *(Formerly Known As Imperia Institute of Technology)*<br>*Bsc (Hons) Quantity Surveying & Cost Management (3+0) in Collaboration with Liverpool John Moores University* | 19.12.2019 – 18.12.2021 |
| 12. | Heriot Watt University Malaysia<br>*Bachelor of Science in Quantity Surveying* | 01.05.2020 – 30.04.2022 |
| 13. | SEGI University<br>*B.sc. (Hons) Quantity Surveying* | 06.09.2020 – 05.09.2023 |
| 14. | INTI International University<br>*Bachelor of Science (Hons) Quantity Surveying* | 01.03.2021 – 28.02.2026 |
| 15. | Universiti Teknologi Mara (UiTM) Samarahan<br>*Bachelor of Quantity Surveying (Hons)* | 01.10.2020 – 31.12.2020<br>Dalam Penilaian |
| 16. | University College Of Technology Sarawak<br>*Bachelor of Quantity Surveying (Hons)* | 29.10.2018 – 31.12.2020<br>Dalam Penilaian |
| 17. | Tunku Abdul Rahman University College<br>*Bachelor in Quantity Surveying (Hons)* | 01.03.2021 – 28.02.2026 |
| 18. | Universiti Malaya<br>*Bachelor of Quantity Surveying* | 01.04.2020 – 31.03.2025 |
| 19. | Universiti Teknologi Malaysia<br>*Bachelor of Quantity Surveying - Full Time Study* | 23.01.2020 – 22.01.2025 |
| 20. | Universiti Teknologi Malaysia Pusat Pengajian Kuala Lumpur<br>*Bachelor of Quantity Surveying - Part Time Study* | 05.10.2019 – 04.04.2020<br>Dalam Penilaian |
| 21. | International Islamic University Malaysia<br>*Bachelor of Quantity Surveying (Hons)* | 25.07.2019 – 17.12.2022 |

| Bil. | Program Ijazah Ukur Bahan Yang Diiktiraf (Antarabangsa) | Tempoh Akreditasi |
|---|---|---|
| 1. | Nottingham Trent University<br>*Bsc (Hons) in Quantity Surveying & Construction Commercial Management* | 30.10.2018 – 29.10.2023 |
| 2. | Liverpool John Moores University<br>*Bachelor of Science (Hons) In Quantity Surveying* | 21.07.2016 – 20.07.2021 |
| 3. | University of Portsmouth<br>*Bsc (Hons) Quantity Surveying* | 03.05.2015 – 02.05.2020 |
| 4. | University of Reading<br>*Bsc (Hons) Quantity Surveying* | 03.11.2020 – 02.11.2025 |
| 5. | Sheffield Hallam University<br>*Bsc (Hons) Quantity Surveying* | 26.06.2015 – 25.06.2020 |
| 6. | Heriot Watt University<br>*Bsc (Hons) Quantity Surveying* | 01.09.2015 – 31.08.2020 |
| 7. | University of The West of England<br>*B.sc. (Hons) in Quantity Surveying & Commercial Management* | 01.09.2015 – 31.08.2020 |
| 8. | Northumbria University<br>*Bachelor of Science (Hons) Quantity Surveying* | 26.10.2019 – 25.10.2021 |
| 9. | Curtin University of Technology<br>*Bachelor of Applied Science (Construction Management & Economics)*<br>*for Internal Full-Time Mode of Study only* | 17.12.2019 – 16.12.2024 |
| 10. | Curtin University of Technology<br>*Bachelor of Applied Science (Construction Management & Economics)*<br>*Online Programme* | 17.12.2019 – 16.12.2022 |



# 06

# LAPORAN PENERIMAAN DAN PENGGUNAAN SUMBER PEMBIAYAAN KERAJAAN PERSEKUTUAN



# LAPORAN PENERIMAAN DAN PENGGUNAAN SUMBER PEMBIAYAAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

### BERIKUT MERUPAKAN PERUNTUKAN (ATAU GERAN) KERAJAAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2020

| Bantuan Kerajaan | 2020 | 2019 |
|---|---|---|
| Baki pada 1 Januari | - | - |
| Tambah: Terimaan dalam tahun semasa | 433,752 | - |
| Tolak: Pelunasan pada tahun semasa | - | - |
| Baki pada 31 Disember | 433,752 | - |

### PEMBERIAN GERAN

Pemberian oleh Kerajaan ini bertujuan bagi membiayai kos-kos pembangunan Sistem Aplikasi Perakaunan dan Kewangan pematuhan SAGA. Geran ini dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu diiktiraf sebagai geran tertunda di Penyata Kedudukan Kewangan dan dilunaskan sebagai hasil bersamaan dengan amaun bawaan liabilti yang telah memenuhi syarat. Geran ini tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu diambilkira sebagai hasil di dalam Penyata Prestasi Kewangan.



07

# LAPORAN DAN ANALISIS PRESTASI KEWANGAN


47.18
+5.97
17.14
24.25

# LAPORAN DAN ANALISIS PRESTASI KEWANGAN

### BERIKUT MERUPAKAN PRESTASI BAGI TEMPOH 5 TAHUN (2020-2016)

| Pendapatan dan Perbelanjaan | Tahun Berakhir 31 Disember (RM'000) | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | **2020** | **2019** | **2018** | **2017** | **2016** |
| Jumlah Pendapatan | 2,774.63 | 3,541.79 | 3,567.31 | 2,434.90 | 1,969.78 |
| Jumlah Perbelanjaan (Termasuk Cukai Pendapatan) | 2,032.48 | 2,352.95 | 2,191.47 | 2,162.86 | 1,717.68 |
| 1. Nisbah Perbelanjaan Kepada Pendapatan | 1.37 | 1.51 | 1.63 | 1.13 | 1.15 |
| 2. Untung Bersih Bagi Tahun | 742.14 | 1,188.84 | 1,375.85 | 272.04 | 252.10 |

### JUMLAH PENDAPATAN LJBM (TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER) (RM'000)




Pada tahun 2020, jumlah pendapatan LJBM menurun sebanyak RM767.16 ribu (21.66%) berbanding RM3,541.79 ribu pada tahun 2019.

### JUMLAH PERBELANJAAN (TERMASUK CUKAI PENDAPATAN) TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER (RM'000)




**13.54%**

Perbelanjaan bagi tahun 2020 pula menurun sebanyak RM320.47 ribu (13.54%) berbanding RM2,352.95 ribu pada tahun 2019.

| Aset, Ekuiti dan Liabiliti | Tahun Berakhir 31 Disember (RM'000) | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | 2020 | 2019 | 2018 | 2017 | 2016 |
| **1. Jumlah Aset** | | | | | |
| - Aset Bukan Semasa | 4,752.99 | 4,515.69 | 4,010.14 | 3,429.40 | 2,580.29 |
| - Aset Semasa | 4,185.59 | 3,058.62 | 2,400.71 | 1,607.14 | 1,568.82 |
| | **8,938.58** | **7,574.31** | **6,410.85** | **5,036.54** | **4,149.11** |
| **2. Jumlah Equiti** | | | | | |
| - Keuntungan Terkumpul | 7,143.87 | 6,401.73 | 5,212.89 | 3,837.04 | 3,565.00 |
| **3. Jumlah Liabiliti** | | | | | |
| - Liabiliti Bukan Semasa | 40.35 | 28.93 | 95.66 | 117.91 | - |
| - Liabiliti Semasa | 1,754.36 | 1,143.66 | 1,102.31 | 1,081.59 | 584.10 |
| | **1,794.71** | **1,172.59** | **1,197.97** | **1,199.50** | **584.10** |
| **4. Jumlah Ekuiti dan Liabiliti** | **8,938.58** | **7,574.31** | **6,410.85** | **5,036.54** | **4,149.11** |

Terdapat peningkatan jumlah aset pada tahun 2020 sebanyak RM1,364.26 ribu iaitu 18.01% berbanding RM1,172.59 ribu pada tahun 2019. Di samping itu, jumlah liabiliti turut meningkat sebanyak RM622.12 ribu iaitu 53.06% daripada RM1,172.59 ribu pada tahun 2019. Jumlah keuntungan terkumpul meningkat sebanyak RM742.14 ribu iaitu 37.57% disebabkan lebihan pendapatan selepas cukai.



**▲ 37.57%**

Jumlah keuntungan terkumpul.



**▲ 18.01%**

Jumlah aset pada tahun 2020 berbanding tahun 2019.



**▲ 53.06%**

Jumlah liabiliti pada tahun 2019.

## JUMLAH ASET (TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER) (RM'000)




## JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI (TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER) (RM'000)



# ANALISA KEWANGAN 5 TAHUN LJBM

Berikut merupakan analisa kewangan bagi tempoh 5 tahun (2020-2016)

| Nisbah Kewangan | Tahun Berakhir 31 Disember (RM'000) | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | 2020 | 2019 | 2018 | 2017 | 2016 |
| **Nisbah Kecairan** | | | | | |
| - Nisbah Semasa | 2.39 | 2.67 | 2.18 | 1.49 | 2.69 |
| - Nisbah Tunai | 2.02 | 2.21 | 2.00 | 1.44 | 2.55 |




## NISBAH SEMASA

Pada tahun 2020, LJBM mempunyai aset semasa 2.39 kali ganda daripada liabiliti semasa. Ini bermakna LJBM mempunyai kemampuan untuk membayar balik liabiliti semasa/hutang jangka pendek. Nisbah semasa tahun 2020 menurun sebanyak RM0.28 ribu berbanding RM2.67 ribu bagi tahun 2019.

## NISBAH TUNAI

Nisbah tunai sebanyak RM2.02 ribu menunjukkan dimana aset-aset cair dipegang oleh LJBM berbanding dengan jumlah liabiliti semasa. Nisbah ini menunjukkan kecairan sebenar LJBM dalam membiayai liabiliti semasa tanpa mengambilkira aset semasa yang belum pasti dapat ditunaikan dalam masa yang singkat.



# 08

# AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2020



# JAWATANKUASA PENDAFTARAN DAN KELAYAKAN

## PROGRAM PENDAFTARAN BERKELOMPOK LJBM DENGAN UNIVERSITI YANG DIIKTIRAF

Program ini adalah untuk mempermudahkan pendaftaran oleh pelajar tahun akhir dari segi prosedur pendaftaran, pengemukaan dokumen permohonan dan keperluan pembaharuan pendaftaran untuk tahun pertama. Beberapa siri program telah dijalankan dengan kerjasama universiti-universiti yang terlibat.



### OBJEKTIF

- Membolehkan pelajar tahun akhir berdaftar dan menerima sijil pendaftaran masing-masing seawal tarikh graduasi mereka;
- Taklimat ringkas mengenai keperluan dan laluan pendaftaran dengan LJBM; dan
- Bimbingan mengenai prosedur pendaftaran melalui system ReQSys.

| TARIKH | UNIVERSITI | PESERTA | LOKASI |
|---|---|---|---|
| 16.01.2020 | UiTM Shah Alam | 120 pelajar & 1 pensyarah | Fakulti Senibina Perancangan & Ukur UiTM Shah Alam |
| 05.06.2020 | Universiti Malaya | 52 pelajar & 1 pensyarah | Secara atas Talian |
| 30.06.2020 | Universiti Teknologi Malaysia | 55 pelajar & 1 pensyarah | |
| 27.07.2020 | UiTM Kota Samarahan | 41 pelajar & 2 pensyarah | |
| 09.12.2020 | University College of Technology Sarawak | 57 pelajar & 2 pensyarah | |



Bilangan pelajar yang berdaftar dengan LJBM melalui program ini dalam tahun 2020:

| UNIVERSITI | JUMLAH PENDAFTARAN |
| --- | --- |
| Universiti Teknologi MARA – Shah Alam | 136 |
| Universiti Teknologi MARA – Seri Iskandar | 70 |
| Universiti Teknologi MARA – Kota Samarahan | 42 |
| Universiti Malaya | 34 |
| Universiti Tunku Abdul Rahman | 70 |
| INTI International University | 12 |
| University College of Technology Sarawak | 37 |

## PROGRAM BERKAITAN PENDAFTARAN LJBM

Golongan sasaran bagi program berkaitan pendaftaran ini adalah :
(i) Pelajar-pelajar Universiti yang menawarkan program Ukur Bahan yang diiktiraf;
(ii) Jabatan Kerajaan yang berminat; dan
(iii) Firma-firma berkaitan pembinaan (program secara usahasama berdasarkan permintaan daripada firma).

## OBJEKTIF PROGRAM

- Untuk memberi penerangan mengenai keperluan berdaftar dengan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia, termasuk implikasi terhadap mereka yang tidak berdaftar tetapi masih menjalankan kerja-kerja sebagai Juruukur Bahan; dan
- Penerangan mengenai keperluan dan laluan pendaftaran dengan LJBM.

### PROGRAM PERKONGSIAN ILMU PROFESIONAL PELAJAR DIPLOMA UTM KL BERSAMA LJBM

**Tarikh:** 08.01.2020

**Peserta:** 80 pelajar & 4 pensyarah

**Universiti/Agensi:**
Universiti Teknologi Malaysia

**Lokasi:**
Anjung Razak, UTM Kuala Lumpur



### *PROFESSIONAL TALK SERIES 2020 : STRUCTURED APPROACH TOWARDS REGISTERED PROFESSIONAL QS*

**Tarikh:** 10.05.2020

**Peserta:** 102 pelajar & 1 pensyarah

**Universiti/Agensi:**
Universiti Teknologi Malaysia (Skudai, SPACE-JB & SPACE-Kota Kinabalu)

**Lokasi:** Secara Atas Talian




## PROGRAM *OPEN DAY* LJBM

### OBJEKTIF PROGRAM

Program diadakan untuk membantu ahli berdaftar melengkapkan keperluan pembaharuan pendaftaran mereka bagi tahun 2020. Turut disediakan adalah khidmat nasihat laluan pendaftaran dan prosedur permohonan pendaftaran bagi mereka yang berkelayakan untuk berdaftar dengan LJBM.



**Tarikh:** 29.01.2020

**Lokasi:**
Makmal Komputer,
Tingkat 14, Ibu Pejabat JKR, Kuala Lumpur



## PROGRAM PENAIKTARAFAN SEBAGAI JURUUKUR BAHAN PROFESSIONAL

Beberapa siri program telah diadakan bertujuan untuk membimbing Juruukur Bahan *Provisional* dalam prosedur penaiktarafan pendaftaran mereka sebagai Juruukur Bahan *Professional* seperti berikut:

**PROGRAM : BENGKEL PENYEDIAAN LAPORAN ANALISA KRITIKAL BAGI SKIM APC 2020**

| TARIKH | KETERANGAN PROGRAM | PESERTA | LOKASI |
|---|---|---|---|
| 29.02.2020 | Siri 1: Zon Lembah Kelang | 67 Orang | RISM Petaling Jaya, Selangor |
| 07.09.2020 (Sesi 1: Umum)<br>08.09.2020 (Sesi 2: *Academician*)<br>09.09.2020 (Sesi 3: *Graduate/Experience*) | Siri 2: Sesi September 2020 (Atas Talian) | 42 Orang | Secara Atas Talian (Cisco Webex) |
| 07.12 2020 (Sesi 1: Umum)<br>14.12.2020 (Sesi 2: *Academician*)<br>15.12.2020 (Sesi 3: *Graduate/Experience*) | Siri 3: Sesi Disember 2020 (Atas Talian) | 37 Orang | Secara Atas Talian (Cisco Webex) |

### OBJEKTIF PROGRAM

- Memberi panduan dalam penyediaan Laporan Analisa Kritikal yang berkualiti bagi Skim *Assessment of Professional Competence* (APC);
- Memastikan setiap Laporan Analisa Kritikal mencapai tahap kualiti yang diperlukan dan sedia dicetak untuk dikemukakan kepada LJBM;
- Mempromosi dan menarik minat Juruukur Bahan Provisional untuk berdaftar sebagai Juruukur Bahan Professional dengan memberi penerangan mengenai prosedur yang perlu dilalui oleh ahli bagi menaiktaraf pendaftaran mereka;
- Bimbingan secara terus kepada golongan sasar, di mana peserta dibahagikan mengikut kumpulan berdasarkan peringkat persediaan dan laluan naiktaraf masing-masing; dan
- Sesi *one-to one* dengan peserta bersama fasilitator untuk semakan dan penambahbaikan deraf Laporan Analisa Kritikal masing-masing.

Statistik penerimaan Laporan Analisa Kritikal yang lengkap oleh peserta bengkel sehingga 31.12.2020








## PENGANJURAN FORUM ATAS TALIAN LJBM

**PROGRAM :** *Adjusting to New Normal*

| TARIKH | PANEL | LOKASI |
|---|---|---|
| 01.10.2020 | Panel Forum<br>• Sr Sabri Omar<br>• Sr Azury Kamaruddin<br><br>Moderator: Dr. Mohamad Saifulnizam Mohamad Suhaimi<br><br>Panel Sesi Soal-Jawab<br>• Sr Nik Zainal Alam Hasan<br>• Sr Wan Ainon Zuraiha Wan Abd Khalid<br>• Sr Mohamad Shazali Sulaiman | Secara Atas Talian<br>(FBLive Lembaga Juruukur Bahan Malaysia) |

### OBJEKTIF PROGRAM

- Membincangkan impak pandemik COVID-19 kepada perkhidmatan ukur bahan di sektor swasta dan kerajaan serta tindakbalas signifikan industri terhadap perubahan budaya kerja dalam tempoh semasa dan pasca pandemik;
- Perkongsian mengenai prosedur dan pengalaman panel dalam menaiktaraf pendaftaran sebagai Juruukur Bahan Professional; dan
- Program ini juga dianjurkan bagi membolehkan ahli Juruukur Bahan *Technologist* dan Juruukur Bahan *Provisional* memenuhi keperluan 1 mata CPD untuk memperbaharui pendaftaran tahun 2021.




VISION
MISSION
Board of Quantity Surveyors Malaysia was live.
October 1, 2020
BQSM ONLINE FORUM : ADJUSTING TO NEW NORMAL
Board of Quantity Surveyors Malaysia | Lembaga Juruukur Bahan Malaysia
598
791 Comments 8.1K View
Like
Comment
Share
Comments
Most Relevant
Anniversary Follower
Mahmud Saleh 1:02:41
Great forum BQSM
Like · Reply · 1y
1 Reply
Anniversary Follower
Normimi Hartini 1:02:20
Nice forum btw. Congrats BQSM. Hopefully there'll be more this kind of forum
Like · Reply · 1y


Board of Quantity Surveyors Malaysia was live.
October 1, 2020
BQSM ONLINE FORUM : ADJUSTING TO NEW NORMAL
Board of Quantity Surveyors Malaysia | Lembaga Juruukur Bahan Malaysia
598
791 Comments 8.1K Views
Like
Comment
Share
Comments
Most Relevant
Anniversary Follower
Mahmud Saleh 1:02:41
Great forum BQSM
Like · Reply · 1y
1 Reply
Anniversary Follower
Normimi Hartini 1:02:20
Nice forum btw. Congrats BQSM. Hopefully there'll be more this kind of forum
Like · Reply · 1y

**PROGRAM :** *Enhance Your Professionalism*

| TARIKH | PANEL | LOKASI |
|---|---|---|
| 22.12.2020 | • Sr Noraisah Kadirin<br>• Sr Nik Zainal Alam Hasan<br>• Sr Jamisah Ibrahim | Secara Atas Talian<br>(FBLive Lembaga Juruukur Bahan Malaysia)<br><br>Nota:<br>Penyampaian Amanat Khas oleh:<br>Dato' Sr Aziz Abdullah, Yang DiPertua LJBM; dan Sr Amran Mohd Majid, Pengarah Kanan, Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan, Jabatan Kerja Raya Malaysia |

## OBJEKTIF PROGRAM

- Dianjurkan bersempena Hari Profesion Teknikal Negara 2020 yang telah diadakan sepanjang bulan Disember 2020; dan
- Mewar-warkan kepentingan pendaftaran sebagai Juruukur Bahan *Professional* dikalangan penjawat awam.





# MAJLIS PEPERIKSAAN UKUR BAHAN (QSEC)

## TAKLIMAT PENYEDIAAN PEPERIKSAAN *TIER-II* • SECARA ATAS TALIAN (*ONLINE*)

### PENGENALAN

- Taklimat peperiksaan diadakan 3 minggu sebelum peperiksaan diadakan.
- Taklimat ini diadakan secara atas talian mengikut arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi memutuskan rangkaian penularan jangkitan wabak COVID-19

### OBJEKTIF

- Taklimat ini bertujuan untuk memberi penerangan lanjut dan ‘*tips*’ menjawab peperiksaan dengan baik.
- Nota peperiksaan disediakan kepada calon yang hadir taklimat.

**SESI JULAI 2020**

- **Lokasi :** Secara atas talian (*Online*)
- **Aplikasi:** Cisco Webex
- **Tarikh :** 13.07.2020
- **Masa:** 09.00 pagi – 01.00 petang
- **Peserta:** 17 calon

**SESI NOVEMBER 2020**

- **Lokasi :** Secara atas talian (*Online*)
- **Aplikasi:** Cisco Webex
- **Tarikh :** 17.11.2020
- **Masa:** 09.00 pagi – 01.00 petang
- **Peserta:** 16 calon






Bilik Meeting LJBM 2
HH Kwan
Chan Wai Sim
Anonymous
Bilik Meeting LJBM Back...
HAZA IT
Mohd Muzamil Mohd R...
Nik HF


Viewing Datuk Chia Lui ... 's screen
Business Law
The Syllabus - PPI
TERMS OF A CONTRACT
EXCLUSION/ LIMITATION OF LIABILITY CLAUSES
BATTLE OF FORMS
GENERAL POSITION
EFFECT
JUDICIAL APPROACH
DEFINITION
EFFECT
USE IN ENGINEERING/ CONSTRUCTION CONTRACT
POSITION AT LAW
JUDICIAL APPROACH
FIG. 2-4 : TERMS OF A CONTRACT (PART II)
AIAC
Datuk Chia Lui Meng
Participants (25)
Search
Sitti Diana Tamjehi
Tier II - Contract
WAN SUHANA ABDUL...
Yee Vern
Yong Ming Sze
zulikha bte mohd salim
Unmute
Start video
Share
Participants
Chat

## PENGENALAN

- Peperiksaan *Tier-II* adalah laluan menaiktaraf pendaftaran sebagai Juruukur Bahan *Consultant* (CQS) bagi Juruukur Bahan *Professional* (PQS) yang telah berdaftar melalui Skim APC.
- Selain itu, Peperiksaan ini juga dibuka kepada Juruukur Bahan Professional berdaftar melalui Skim *Special Route*.
- Peperiksaan *Tier-II* diadakan dua (2) kali setahun :
  1. Sesi Mei
  2. Sesi November
- Walaubagaimanapun, pada tahun 2020 peperiksaan *Tier-II* terpaksa ditangguhkan ke bulan Julai 2020 diatas sebab pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) untuk memutuskan rangkaian penularan wabak COVID-19.
- Peperiksaan *Tier-II* Sesi Disember 2020 telah diadakan serentak di Kuching, Sarawak kerana terdapat enam (6) orang calon peperiksaan daripada Sarawak.

## OBJEKTIF

- Skim penilaian bagi Jurukur Bahan *Professional* yang ingin menaiktaraf pendaftaran ke Juruukur Bahan *Consultant*
- Melahirkan Juruukur Bahan *Consultant* yang beretika dan berkualiti

## HASIL DAPATAN

**KEPUTUSAN PEPERIKSAAN • SESI JULAI 2020**




Jumlah Calon: 19

**KEPUTUSAN PEPERIKSAAN • SESI DISEMBER 2020**




Jumlah Calon: 20

### SESI JULAI 2020

- **Lokasi :** Bilik Latihan Mawar 3, Tingkat 12, Blok B Kementerian Kerja Raya, Jalan Sultan Salahuddin, 50582 Kuala Lumpur.
- **Tarikh :** 27 Julai 2020
- **Masa :** 9.00 pagi – 6.00 petang

### SESI DISEMBER 2020 • (LEMBAH KLANG)

- **Lokasi :** Bilik Latihan Mawar 3, Tingkat 12, Blok B Kementerian Kerja Raya, Jalan Sultan Salahuddin, 50582 Kuala Lumpur.
- **Tarikh :** 16 Disember 2020
- **Masa :** 9.00 pagi – 6.00 petang

### SESI DISEMBER 2020 • (KUCHING, SARAWAK)

- **Lokasi :** Pusat Sumber JKR Sarawak, Tingkat 17, Wisma Saberkas, Jalan Tun Abang Haji Openg, 93582 Kuching, Sarawak.
- **Tarikh :** 16 Disember 2020
- **Masa :** 9.00 pagi – 6.00 petang




IF
NOT
NOW,
THEN
WHEN?



# MAJLIS AKREDITASI UKUR BAHAN (QSAC)

## PENILAIAN AKREDITASI PROGRAM IJAZAH UKUR BAHAN

### OBJEKTIF

Lawatan akreditasi dilakukan bertujuan membuat penilaian kualitatif bagi mengesahkan perkara yang dijelaskan dalam dokumentasi dan isu-isu yang dibangkitkan daripada penilaian dokumen berdasarkan Laporan Awal yang dinilai oleh panel penilai.

## PENILAIAN PERMOHONAN AKREDITASI SEMENTARA

| NAMA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI/PROGRAM | TARIKH LAWATAN | LOKASI LAWATAN | PANEL PENILAI AKREDITASI | |
|---|---|---|---|---|
| UNIVERSITI MAHSA<br>*Bachelor of Quantity Surveying (Hons)* | 09.01.2020 | Fakulti Kejuruteraan & Alam Bina, Universiti MAHSA, Jalan SP 2, Bandar Saujana Putra, 42610 Jenjarom Selangor | Sr Wan Ainon Zuraiha Wan Abd Khalid, *CQS* | Pengerusi |
| | | | Prof. Madya Sr Hasmawati Harun, *CQS* | Panel Akademik |
| | | | Sr Dr. Shamsulhadi Bandi, *PQS* | Pelatih Panel |
| | | | Sr Khoo Sui Lai, *CQS* | Pelatih Panel |

### HASIL DAPATAN

Mesyuarat Lembaga Sesi Ke-19/Bil. 7 bertarikh 9 Oktober 2020 tidak meluluskan permohonan akreditasi sementara program *Bachelor of Quantity Surveying (Hons)* yang dikendalikan oleh Universiti MAHSA susulan tidak menepati ketetapan akreditasi yang diperlukan.

## PENILAIAN PERMOHONAN AKREDITASI SEMENTARA

| NAMA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI/PROGRAM | TARIKH LAWATAN | LOKASI LAWATAN | PANEL PENILAI AKREDITASI | |
|---|---|---|---|---|
| UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA<br>*Bachelor of Quantity Surveying*<br>(sepenuh masa) | 14.05.2020 (atas talian)<br>20.06.2020 (bersemuka) | Fakulti Alam Bina dan Ukur, Lingkaran Ilmu, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Johor Bharu,Johor | Sr Jailani Jasmani, *CQS* | Pengerusi |
| | | | Sr Dr. Saipol Bari Abd Karim, *PQS* | Panel Akademik |
| | | | Sr Dr. Ani Saifuza Abd Shukor, *PQS* | Pelatih Panel |

### HASIL DAPATAN

Mesyuarat Lembaga Sesi Ke-19/Bil. 7 bertarikh 9 Oktober 2020 meluluskan permohonan akreditasi semula program *Bachelor of Quantity Surveying* (sepenuh masa) yang dikendalikan oleh Universiti Teknologi Malaysia bagi tempoh lima (5) tahun mulai 23 Januari 2020 sehingga 22 Januari 2025 dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan.

| NAMA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI/PROGRAM | TARIKH LAWATAN | LOKASI LAWATAN | PANEL PENILAI AKREDITASI | |
|---|---|---|---|---|
| UNIVERSITI SEGi<br>*Bachelor of Quantity Surveying (Hons)* | 15.07.2020 – 16.07.2020 | Fakulti Kejuruteraan & Alam Bina, Universiti SEGi Jalan Teknologi, Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor | Sr Ahmad Suhaimi Abdul Majid, *CQS* | Pengerusi |
| | | | Sr Dr. Umi Kalsum Zolkifli@Zulkilfi, *CQS* | Panel Akademik |
| | | | Sr Dr. Anis Sazira Bakri, *PQS* | Pelatih Panel |

**HASIL DAPATAN**

Mesyuarat Lembaga Sesi Ke-19/Bil. 7 bertarikh 9 Oktober 2020 meluluskan permohonan akreditasi semula program *Bachelor of Quantity Surveying (Hons)* yang dikendalikan oleh Universiti SEGi bagi tempoh tiga (3) tahun mulai 6 September 2020 sehingga 5 September 2023 dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan.

| NAMA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI/PROGRAM | TARIKH LAWATAN | LOKASI LAWATAN | PANEL PENILAI AKREDITASI | |
|---|---|---|---|---|
| UNIVERSITI MALAYA<br>*Bachelor of Quantity Surveying* | 14.09.2020 – 15.09.2020 | Fakulti Alam Bina, Universiti Malaya, Lembah Pantai 50603 Kuala Lumpur, W.P. Kuala Lumpur | Sr Dainna Baharuddin, *CQS* | Pengerusi |
| | | | Prof. Madya Sr Dr. Faridah Ismail, *CQS* | Panel Akademik |
| | | | Sr Wan Mas Ruhi Wan Addnan, *CQS* | Pelatih Panel |
| | | | Sr Dr. Muzani Mustapa, *PQS* | Pelatih Panel |

**HASIL DAPATAN**

Melalui edaran emel kepada Ahli Lembaga Sesi-19 pada 26.11.2020 meluluskan permohonan akreditasi semula program *Bachelor of Quantity Surveying* yang dikendalikan oleh Universiti Malaya bagi tempoh lima (5) tahun mulai 1 April 2020 sehingga 31 Mac 2025 dengan syarat-syarat yang ditetapkan.

| NAMA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI/PROGRAM | TARIKH LAWATAN | LOKASI LAWATAN | PANEL PENILAI AKREDITASI | |
|---|---|---|---|---|
| UNIVERSITI KEBANGSAAN INTI<br>*Bachelor of Science (Hons) Quantity Surveying* | 21.09.2020 – 22.09.2020 | INTI International University, Persiaran Perdana BBN, Putra Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan | Sr Dr. Fadhin Abdullah, *CQS* | Pengerusi |
| | | | Prof. Madya Sr Dr. Mohd Suhaimi Mohd Danuri, *CQS* | Panel Akademik |
| | | | Sr Kamaruddin Sulaiman, *CQS* | Pelatih Panel |
| | | | Sr Dr. Fara Diva Mustapa, *PQS* | Pelatih Panel |

**HASIL DAPATAN**

Melalui edaran emel kepada Ahli Lembaga Sesi-19 pada 26.11.2020 meluluskan permohonan akreditasi semula program B*achelor of Science (Hons) Quantity Surveying* yang dikendalikan oleh Universiti Kebangsaan INTI bagi tempoh lima (5) tahun mulai 1 Mac 2021 sehingga 28 Feb 2026 dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan.

| NAMA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI/PROGRAM | TARIKH LAWATAN | LOKASI LAWATAN | PANEL PENILAI AKREDITASI | |
|---|---|---|---|---|
| UNIVERSITI OF READING, UNITED KINGDOM *Bachelor Science (Hons) of Quantity Surveying* | 16.11.2020 – 22.11.2020 (Penilaian dokumen atas talian)<br>24.11.2020 (Lawatan atas talian) | Secara Atas Talian Melalui Cisco Webex Meeting | Sr Nik Zainal Alam Hasan, *CQS* | Pengerusi |
| | | | Prof. Madya Sr Dr. Hafez Salleh, *CQS* | Panel Akademik |

## HASIL DAPATAN

Mesyuarat Lembaga Sesi-19/Bil. 8 bertarikh 18 Disember 2020 meluluskan permohonan akreditasi semula program *Bachelor Science (Hons) of Quantity Surveying* yang dikendalikan oleh Universiti of Reading, United Kingdom bagi tempoh lima (5) tahun 1 Mac 2021 sehingga 28 Feb 2026 dengan syarat-syarat yang ditetapkan.

| NAMA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI/PROGRAM | TARIKH LAWATAN | LOKASI LAWATAN | PANEL PENILAI AKREDITASI | |
|---|---|---|---|---|
| KOLEJ UNIVERSITI TUNKU ABDUL RAHMAN *Bachelor of Science (Hons) of Quantity Surveying* | 12.11.2020 (Pertemuan atas talian)<br>23.11.2020 – 06.12.2020 (Penilaian dokumen secara atas talian)<br>07.12.2020 (Lawatan bersemuka &Sesi Maklumbalas atas talian) | Fakulti Kejuruteraan & Alam Bina, Universiti SEGi Jalan Teknologi, Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor | Sr Dainna Baharuddin, *CQS* | Pengerusi |
| | | | Sr Dr. Shamsul Hadi Bandi, *PQS* | Panel Akademik |
| | | | Sr Nik Hasbi Fathi Nik Husain Fathi, *CQS* | Pelatih Panel |
| | | | PM Sr Dr Lim Yoke Mui, *CQS* | Pelatih Panel |

## HASIL DAPATAN

Mesyuarat Lembaga Sesi-19/Bil. 8 bertarikh 18 Disember 2020 meluluskan permohonan akreditasi semula program *Bachelor Science (Hons) of Quantity Surveying* yang dikendalikan oleh Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman bagi tempoh lima (5) tahun mulai 1 Mac 2021 sehingga 28 Februari 2026 dengan syarat-syarat yang ditetapkan.









# JAWATANKUASA CONTINUOUS PROFESSIONAL DEVELOPMENT (CPD)

***YOUR FREQUENTLY ASKED CONSTRUCTION CONTRACT QUESTIONS ANSWERED!***



Kursus ini membincangkan dan mengkaji 50 masalah kontrak yang mana timbul soalan atau soalan lazim (FAQ) mengenai projek pembinaan/ kejuruteraan berserta penjelasan terperinci mengenai penyelesaiannya.

**PENGENALAN**



- **Penceramah:** Sr Jaspal Singh a/l Nachatar Singh
- **Tarikh:** 16 Januari 2020
- **Jumlah Peserta:** 192
- **Mata Kredit:** 4
- **Lokasi:** Premiera Hotel, Kuala Lumpur

## *BIM IMPLEMENTATION FOR CONSTRUCTION PROJECT*

Kursus yang telah berlangsung selama 2 hari ini membincangkan tentang Pelaksanaan BIM untuk Projek Pembinaan. Antara isi kandungan kursus ini adalah pengenalan berkenaan Building Information Modelling (BIM).

**PENGENALAN**





- **Penceramah:** Dr. Ahmad Tarmizi Haron
- **Tarikh:** 18 & 19 Februari 2020
- **Jumlah Peserta:** 88
- **Mata Kredit:** 8
- **Lokasi:** Premiera Hotel, Kuala Lumpur

**NOTA**

Hanya dua (2) program CPD sahaja yang dilaksanakan dalam tahun 2020 berikutan berlakunya pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia dan pihak Lembaga memutuskan (dimaklumkan melalui Surat Pekeliling bilangan 2/2020 bertarikh 18 Jun 2020) untuk tidak menganjurkan sebarang program CPD secara fizikal pada tahun 2020 dalam usaha mengekang penularan wabak ini.

# JAWATANKUASA AKTA DAN PERATURAN & HAL EHWAL ANTARABANGSA (ARIA)

**17.01.2020**

| PROGRAM | WAKIL DARI LJBM | LOKASI |
|---|---|---|
| Mesyuarat Permohonan Akta Juruukur Bangunan | Sr Dainna Baharuddin (Pengerusi Jawatankuasa ARIA)<br>Puan Emi Azwa Harun (Setiausaha Eksekutif)<br>Razif Mohamed (Pegawai Tadbir) | Bilik Mesyuarat Seroja, Kementerian Kerja Raya |

**PENGENALAN**

Pertubuhan Juruukur DiRaja Malaysia (*Royal Institution of Surveyors Malaysia* – RISM) telah mengemukakan permohonan Akta Juruukur Bangunan. Sehubungan itu, Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM) telah dijemput menghadiri mesyuarat ini yang telah diadakan pada 17 Januari 2020 (Jumaat) untuk membincangkan skop kerja dan bidang tugas Juruukur Bangunan.

**10.04.2020 & 28.04.2020**

| PROGRAM | WAKIL DARI LJBM | LOKASI |
|---|---|---|
| Mesyuarat Bagi Membincangkan Pengoperasian Sektor Perkhidmatan Professional Dalam Tempoh Kawalan Pergerakan | Sr Kamarudin Sulaiman (Ahli Lembaga)<br>Sr Dainna Baharuddin (Pengerusi Jawatankuasa ARIA ) | Menara MITI, No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah, 50480 Kuala Lumpur |

**PENGENALAN**

Satu sesi libat urus yang diadakan oleh pihak MITI dengan pihak industri bertujuan untuk membincangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh beberapa sektor ekonomi untuk beroperasi semula dalam tempoh PKPB.





**04.06.2020**

| PROGRAM | WAKIL DARI LJBM | LOKASI |
| --- | --- | --- |
| Sesi Perbincangan Mengenai *Professional Services Development Corporation* (PSDC) | Sr Dainna Baharuddin (Pengerusi Jawatankuasa ARIA) | Bilik Mesyuarat Seri Pagi, Kompleks Kerja Raya, KKRM |

## PENGENALAN

Sesi perbincangan untuk mempromosikan dan meningkatkan produktiviti perkhidmatan profesional, antaranya adalah profesion Juruukur Bahan di masa akan datang.



09

# PENYATA KEWANGAN 2020

**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA**
**MENGENAI PENYATA KEWANGAN**
**LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA**
**MENGENAI PENYATA KEWANGAN**
**LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

## Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

### Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020 Lembaga Juruukur Bahan Malaysia dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Prestasi Bajet bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 19.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Juruukur Bahan 1967 (Akta 487).

### Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

### Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Lembaga Juruukur Bahan Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions.*

**Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Ahli Lembaga, Lembaga Juruukur Bahan Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

**Tanggungjawab Ahli Lembaga Terhadap Penyata Kewangan**

Ahli Lembaga bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Juruukur Bahan 1967 (Akta 487). Ahli Lembaga juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia, Ahli Lembaga bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

**Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Juruukur Bahan Malaysia.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yandiguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Lembaga.

d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Lembaga dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.

e. Menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia termasuk pendedahannya dan sama ada Penyata Kewangan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberi gambaran saksama.

## Hal-hal Lain

a. Seperti yang dinyatakan pada Nota 2 kepada penyata kewangan, Lembaga Juruukur Bahan Malaysia telah menerima pakai Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) mulai 1 Januari 2020 dan 1 Januari 2019 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2019. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Ahli Lembaga terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia pada 31 Disember 2019 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Prestasi Bajet Lembaga Juruukur Bahan Malaysia bagi tahun berakhir pada

31 Disember 2019 dan pendedahan berkaitan. Saya tidak terlibat untuk melaporkan maklumat perbandingan yang dinyatakan semula dan yang tidak diaudit. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan Penyata Kewangan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia bagi tahun berakhir 31 Disember 2020, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2020 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

b. Sijil ini dibuat untuk Ahli Lembaga berdasarkan keperluan Akta Juruukur Bahan 1967 (Akta 487) dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

**(FARIZAH BINTI BERAM)**

b.p. KETUA AUDIT NEGARA

PUTRAJAYA
29 OKTOBER 2021

## PENYATA YANG DIPERTUA DAN SEORANG AHLI LEMBAGA
## LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA

Kami **PROF (ADJUNG) DATO' Sr AZIZ BIN ABDULLAH** dan **Sr MUHAMAD ZULAZHAR BIN MOHD GHAZALI** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah **LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia pada 31 Disember 2020 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,

..................................................
PROF (ADJUNG) DATO' Sr AZIZ BIN ABDULLAH

**YANG DIPERTUA**

1 8 OCT 2021

**KUALA LUMPUR**

Bagi pihak Lembaga,

..................................................
Sr MUHAMAD ZULAZHAR BIN MOHD GHAZALI

**AHLI LEMBAGA**

1 8 OCT 2021

**KUALA LUMPUR**

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA**

Saya, **Sr Jamisah binti Ibrahim**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya )
diakui oleh penama di atas )

di KUALA LUMPUR )

pada 18 OCT 2021 )

.......................................
Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
No. W 504
ABD HALIM BIN OSMAN
01/01-2019 - 31/12/2021
MALAYSIA

.......................................
PERSURUHJAYA SUMPAH

Lot 1.14, Tingkat Bawah,
Bangunan Medan Mara
50350 Jalan Raja Laut,
Kuala Lumpur

## PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

Pada 31 Disember 2020

| | Nota | 2020<br>RM | 2019<br>RM<br>(Dinyatakan Semula) |
|---|---|---|---|
| **ASET BUKAN SEMASA** | | | |
| Hartanah, loji dan peralatan | 7 | 91,484 | 100,178 |
| Pelaburan | 8 | 4,534,427 | 4,363,090 |
| Aset tak ketara | 9 | 127,074 | 52,423 |
| | | **4,752,985** | **4,515,691** |
| **ASET SEMASA** | | | |
| Inventori | 10 | 24,666 | 24,666 |
| Penghutang | 11 | 456,595 | 372,750 |
| Pelbagai penghutang | 12 | 147,612 | 136,598 |
| Simpanan tetap | 13 | 715,069 | 700,731 |
| Tunai dan baki bank | 14 | 2,829,127 | 1,821,929 |
| Aset cukai semasa | | 12,521 | 1,947 |
| | | **4,185,590** | **3,058,621** |
| **JUMLAH ASET** | | **8,938,575** | **7,574,312** |
| **LIABILITI SEMASA** | | | |
| Pemiutang | 15 | 1,009,100 | 826,466 |
| Pelbagai pemiutang | 16 | 741,930 | 317,191 |
| Liabiliti Cukai Semasa | | 3,328 | — |
| | | **1,754,358** | **1,143,657** |
| **ASET SEMASA BERSIH** | | 2,431,232 | 1,914,964 |
| | | **7,184,217** | **6,430,655** |
| **DIWAKILI OLEH:** | | | |
| Dana terkumpul | | **7,143,868** | **6,401,725** |
| **LIABILITI JANGKA PANJANG** | | | |
| Dana Khas Gantian Cuti Rehat (GCR) | 17 | 40,349 | 28,930 |
| | | **7,184,217** | **6,430,655** |

Nota-nota di muka surat 6 hingga 19 adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN**

Pada 31 Disember 2020

| | Nota | 2020<br>RM | 2019<br>RM<br>(Dinyatakan Semula) |
|---|---|---|---|
| **PENDAPATAN** | | | |
| Yuran ahli | 18 | 2,164,000 | 1,968,650 |
| Pelarasan yuran ahli terdahulu terlebih dan terkurang catat | | – | (4,765) |
| Yuran program *Continuing Professional Development* (CPD) | | 135,750 | 1,013,950 |
| Keuntungan atas simpanan tetap dan pelaburan | 19 | 197,257 | 222,518 |
| Pelbagai pendapatan | 20 | 277,619 | 341,435 |
| **Jumlah Pendapatan** | | **2,774,626** | **3,541,788** |
| **PERBELANJAAN** | | | |
| Emolumen dan elaun kakitangan | 21 | 990,660 | 900,108 |
| Elaun lembaga pengarah | 22 | 113,969 | 167,801 |
| Perbelanjaan mesyuarat | | 5,484 | 13,328 |
| Peruntukan gantian cuti rehat | 17 | 11,419 | (72,811) |
| Peruntukan hutang ragu bagi yuran ahli | | 315,450 | – |
| Lain-lain faedah kewangan | | 7,246 | 8,480 |
| Kemudahan penyelenggaraan dan pembaikan | | 189,184 | 170,767 |
| Perbelanjaan program *Continuing Professional Development* (CPD) | | 80,071 | 515,754 |
| Perhubungan dan utiliti | | 13,764 | 17,884 |
| Susut nilai hartanah, loji dan peralatan | 7 | 24,865 | 19,997 |
| Rosot nilai aset tak ketara | 9 | 60,849 | 130,967 |
| Pengangkutan dan perjalanan | | 4,497 | 11,898 |
| Perbelanjaan lain | 23 | 185,663 | 432,669 |
| **Jumlah Perbelanjaan** | | **2,003,121** | **2,316,842** |
| **LEBIHAN PENDAPATAN SEBELUM CUKAI** | | 771,505 | 1,224,946 |
| Cukai pendapatan | 24 | (29,362) | (36,109) |
| **LEBIHAN PENDAPATAN SELEPAS CUKAI** | | **742,143** | **1,188,837** |

Nota-nota di muka surat 6 hingga 19 adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**PENYATA PERUBAHAN EKUITI**

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020

| **DANA TERKUMPUL** | **RM** (Dinyatakan Semula) |
|---|---|
| Baki pada 1 Januari 2019 | 5,212,888 |
| Kesan pemakaian MPSAS (Nota 25) | (20,466) |
| Lebihan pendapatan selepas cukai tahun semasa | 1,209,303 |
| Baki pada 31 Disember 2019 | 6,401,725 |
| Lebihan pendapatan selepas cukai tahun semasa | 742,143 |
| **Baki pada 31 Disember 2020** | **7,143,868** |

Nota-nota di muka surat 6 hingga 19 adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

## PENYATA ALIRAN TUNAI

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020

| | Nota | 2020<br>RM | 2019<br>RM<br>(Dinyatakan Semula) |
|---|---|---|---|
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI** | | | |
| Lebihan pendapatan sebelum cukai | | 771,505 | 1,224,946 |
| Pelarasan bagi perkara bukan tunai: | | | |
| Susut nilai hartanah, loji dan peralatan | 7 | 24,865 | 19,997 |
| Rosot nilai aset tak ketara | 9 | 60,849 | 130,967 |
| (Pelarasan)/ Peruntukan Dana Khas Gantian Cuti Rehat (GCR) | 17 | 11,419 | (72,811) |
| Pelupusan hartanah, loji dan peralatan | | – | 6,083 |
| Peruntukan hutang ragu bagi yuran ahli | | 315,450 | – |
| Yuran penerimaan dan pengurusan pelaburan | | 5,998 | 5,744 |
| Pendapatan faedah | 19 | (197,257) | (222,518) |
| **Keuntungan operasi sebelum perubahan dalam modal kerja** | | **992,829** | **1,092,408** |
| Perubahan dalam modal kerja: | | | |
| Pengurangan/(Peningkatan) dalam inventori | | – | 8,278 |
| Peningkatan dalam penghutang | | (399,295) | (250,100) |
| Peningkatan dalam pelbagai penghutang | | (18,734) | (78,978) |
| (Pengurangan)/ Peningkatan dalam pemiutang | | 182,634 | 23,965 |
| (Pengurangan)/ Peningkatan dalam pelbagai pemiutang | | (9,013) | 48,776 |
| **Tunai dijana daripada operasi** | | **748,421** | **844,349** |
| Cukai dibayar | | (36,608) | (42,000) |
| Lebihan bayaran cukai diterima | | – | 9,500 |
| Dana Khas Gantian Cuti Rehat (GCR) dibayar | | – | (25,310) |
| Faedah diterima | | 27,642 | 30,112 |
| Tunai bersih dijana daripada aktiviti operasi | | **739,455** | **816,651** |
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN** | | | |
| Pembelian hartanah, loji dan peralatan | 7 | (151,671) | (100,051) |
| Pindahan dari akaun utama/simpanan tetap ke pelaburan | | – | (400,000) |
| **Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan** | | **(151,671)** | **(500,051)** |
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN** | | | |
| Terimaan Geran dari Kementerian Kerja Raya | | 433,752 | – |
| **Peningkatan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai** | | 1,021,536 | 316,600 |
| **Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun kewangan** | | 2,522,660 | 2,206,060 |
| **Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun kewangan** | | **3,544,196** | **2,522,660** |
| **TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI TERDIRI DARIPADA:** | | | |
| Simpanan tetap | | 715,069 | 700,731 |
| Tunai dan baki bank | | 2,829,127 | 1,821,929 |
| | | **3,544,196** | **2,522,660** |

Nota-nota di muka surat 6 hingga 19 adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**PENYATA PRESTASI BAJET**

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020

| | Jumlah Bajet | | Jumlah Sebenar | Varian Bajet Sebenar |
|---|---|---|---|---|
| | Asal | Akhir | | |
| | RM | RM | RM | RM |
| **PENDAPATAN** | | | | |
| Yuran ahli | 1,675,600 | 1,636,600 | 2,164,000 | (527,400) |
| Yuran program *Continuing Professional Development (CPD)* | 964,050 | 152,050 | 135,750 | 16,300 |
| Keuntungan atas simpanan tetap dan pelaburan | 190,000 | 190,000 | 197,257 | (7,257) |
| Pelbagai pendapatan | 738,400 | 299,600 | 277,619 | 21,981 |
| **Jumlah Pendapatan** | **3,568,050** | **2,278,250** | **2,774,626** | **(496,376)** |
| PERBELANJAAN | | | | |
| Emolumen dan elaun kakitangan | 1,051,782 | 1,015,190 | 990,660 | 24,530 |
| Elaun lembaga pengarah | 147,675 | 130,025 | 113,969 | 16,056 |
| Perbelanjaan mesyuarat | 12,452 | 6,773 | 5,484 | 1,289 |
| Peruntukan gantian cuti rehat | — | — | 11,419 | (11,419) |
| Peruntukan hutang ragu bagi yuran ahli | — | — | 315,450 | (315,450) |
| Lain-lain faedah kewangan | 9,000 | 9,000 | 7,246 | 1,754 |
| Kemudahan penyelenggaraan dan pembaikan | 235,070 | 227,243 | 189,184 | 38,059 |
| Perbelanjaan program *Continuing Professional Development* (CPD) | 438,176 | 80,586 | 80,071 | 515 |
| Perhubungan dan utiliti | 25,000 | 25,000 | 13,764 | 11,236 |
| Susutnilai hartanah, loji dan peralatan | 28,171 | 23,306 | 24,865 | (1,559) |
| Rosol nilai aset tak ketara | 103,525 | 57,163 | 60,849 | (3,686) |
| Pengangkutan dan perjalanan | 5,000 | 5,000 | 4,497 | 503 |
| Perbelanjaan lain | 1,131,374 | 387,293 | 185,663 | 201,630 |
| **Jumlah Perbelanjaan** | **3,187,225** | **1,966,579** | **2,003,121** | **(36,542)** |
| **LEBIHAN PENDAPATAN SEBELUM CUKAI** | 380,825 | 311,671 | 771,505 | (459,834) |
| Cukai pendapatan | (43,553) | (43,636) | (29,362) | (14,274) |
| **LEBIHAN PENDAPATAN SELEPAS CUKAI** | **337,272** | **268,035** | **742,143** | **(474,108)** |

Nota-nota di muka surat 6 hingga 19 adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

### 1. MAKLUMAT KORPORAT

Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM) ditubuhkan di bawah Akta Juruukur Bahan Malaysia 1967 (Pindaan 2015) (Akta 487). LJBM beroperasi di Aras 17, Blok F, lbu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Jalan Sultan Salahuddin, 50582 Kuala Lumpur. LJBM dipimpin oleh seramai 18 orang ahli Lembaga termasuk Yang Dipertua, Pendaftar dan Setiausaha padasesi ke-19 (2019-2021).

Penyata Kewangan ini telah diluluskan dan diperakukan oleh Ahli Lembaga melalui mesyuarat Lembaga pada 20 Mei 2021.

Fungsi-fungsi utama menurut Akta 487 adalah seperti berikut:

a} menyimpan dan menyelenggara daftar;

b} meluluskan atau menolak permohonan pendaftaran di bawah Akta 487 atau meluluskan mana-mana permohonan yang tertakluk kepada apa-apa sekatan yang difikirkan patut dikenakan;

c) memerintah pembatalan, pemotongan atau kemasukan semula menurut Sahagian Ill dan IV di bawah Akta 487;

d) menetapkan kadar yuran dari semasa ke semasa dengan kelulusan Menteri yang dikenakan oleh Juruukur Bahan Berdaftar kerana nasihat atau perkhidmatan profesional yang diberikan itu;

e) mendengar dan memutuskan pertikaian-pertikaian berhubungan dengan tata kelakuan atau kesusilaan profesional Juruukur Bahan atau melantik suatu jawatankuasa atau seorang atau beberapa orang penimbangtara untuk mendengar dan memutuskan pertikaian-pertikaian itu;

f) menentukan dan mengawal tata kelakuan atau kesusilaan profesion ukur bahan;

g) pada amnya, melakukan segala perbuatan, perkara dan benda yang perlu bagi menjalankan peruntukan-peruntukan Akta 487; dan

h) memastikan atau mengadakan program-program pembangunan profesional untuk Juruukur Bahan Provisional, Juruukur Bahan Profesional dan Juruukur Bahan Konsultan bagi mempertingkatkan lagi pengetahuan mengenai pembangunan yang terkini berhubungan dengan profesion ukur bahan

### 2. ASAS PERAKAUNAN

Penyata Kewangan LJBM bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 telah disediakan berasaskan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) yang diwajibkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia bermula tahun kewangan 2020 seperti yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 9 Tahun 2017 seperti berikut:

| | |
|---|---|
| -MPSAS 1 | Pembentangan Penyata Kewangan |
| -MPSAS 2 | Penyata Aliran Tunai |
| -MPSAS 3 | Dasar Perakaunan, Perubahan, dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan |
| -MPSAS17 | Hartanah, Loji dan Peralatan |
| -MPSAS 19 | Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka |
| -MPSAS 20 | Pendedahan Pihak Berkaitan |
| -MPSAS 24 | Pembentangan Maklumat Bajet dalam Penyata Kewangan |
| -MPSAS 25 | Manfaat Pekerja |
| -MPSAS 29 | Financial Instruments : Recognition And Measurement |
| -MPSAS 30 | Financial Instruments Disclosure |
| -MPSAS 33 | First-time Adoption of Accrual Basis MPSASs |

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

## 3. POLISI PERAKAUNAN

### 3.1 Pengiktirafan pendapatan

Pendapatan diiktiraf sehingga tahap yang ia berkemungkinan bahawa manfaat ekonomi akan mengalir kepada Lembaga dan pendapatan boleh dikira dengan betul. Kriteria pengiktirafan khusus hendaklah juga dipenuhi sebelum hasil diiktiraf:

a) **Yuran Tahunan dan Yuran Pendaftaran**
Yuran tahunan diiktiraf atas dasar terakru manakala yuran pendaftaran diiktiraf pada tahun ianya diluluskan.

b) **Yuran program Continuing Professional Development (CPD)**
Yuran program Continuing Professional Development (CPD) diiktiraf atas dasar terakru.

c) **Pendapatan faedah**
Faedah atas simpanan tetap dan pendapatan faedah lain diterima bagi tahun semasa diiktiraf atas dasar terakru.

d) **Geran Kerajaan**
Geran Kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu diiktiraf sebagai geran tertunda di Penyata Kedudukan Kewangan dan dilunaskan sebagai hasil bersamaan dengan amaun bawaan liabiliti yang telah memenuhi syarat. Geran Kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu diambilkira sebagai hasil di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

### 3.2 Hartanah. loji dan peralatan

a) Hartanah, loji dan peralatan adalah dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai terkumpul dan penjejasan nilai harta terkumpul. Nilai aset yang RM2,000 dan ke atas dipermodalkan sebagai aset selaras dengan Pekeliling Kerajaan Malaysia.

b) Aset tetap yang lain telah disusutnilaikan dengan kadar-kadar yang dikirakan untuk menghapuskan kos mengikut asas garis lurus berasaskan anggaran hayat kegunaan aset yang berkenaan. Kadar-kadar tahunan yang utama digunakan bagi tujuan ini adalah seperti berikut:

| | Kadar susut nilai (%) |
|---|---|
| Perabot dan kelengkapan | 10 |
| Peralatan komputer | 30 |

### 3.3 Aset tak ketara

a} Aset tak ketara adalah dinyatakan pada kos setelah ditolak pelunasan terkumpu! dan penjejasan nilai harta terkumpul.

b} Aset tak ketara telah disusutnilaikan dengan kadar-kadar yang telah ditetapkan.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

## 3. POLISI PERAKAUNAN (bersambung)

### 3.4 Tunai dan kesetaraan tunai

Tunai terdiri daripada tunai di tangan dan baki di bank, sementara kesetaraan tunai terdiri daripada dana jangka pendek dan simpanan mudah cair yang boleh ditukar kepada wang tunai tanpa perubahan nilai yang ketara.

### 3.5 Nilai aset terjejas

Pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, Lembaga mengkaji semula nilai buku aset apabila terdapat petanda yang menunjukkan nilai aset terjejas. Kejejasan ini dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan amaun pemulihan semula aset. Amaun pemulihan semula aset adalah nilai lebih tinggi antara nilai bersih yang direalisasikan dan nilai penggunaannya, yang ditetapkan mengikut kaedah aliran tunai terdiskaun masa hadapan.

Kerugian di atas nilai aset terjejas akan dicajkan terus ke penyata pendapatan. Penambahan semula nilai berikutnya di dalam jumlah pemulihan semula aset akan diambil kira dengan pelarasan balik jumlah rugi kejejasan aset terdahulu dan hanya diambil kira sehingga nilai buku bersih aset yang telah ditetapkan di mana seolah-olah tiada rugi atas nilai aset terjejas yang telah dikenal pasti. Pelarasan semula kerugian nilai aset terjejas atas penilaian aset dikreditkan terus ke penyata pendapatan.

### 3.6 lnstrumen kewangan

Pengiktirafan Awai dan Pengukuran

a) lnstrumen-instrumen kewangan diiktiraf sebagai aset kewangan atau liabiliti kewangan (termasuk instrumen derivatif) dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila ia menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

b) Pada pengiktirafan awal, semua aset kewangan dan liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama yang mana pada umumnya adalah harga transaksi, ditambah dengan kos transaksi jika aset kewangan atau liabiliti kewangan tidak diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian. Bagi instrumen yang diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, kos urus niaga dibelanjakan untuk keuntungan atau kerugian apabila ditanggung.

   (i) **Penghutang dan pelbagai penghutang**
   Pelbagai penghutang dinyatakan pada nilai boleh direalisasikan dijangka. Hutang lapuk dihapus kira apabila dikenal pasti. Anggaran dibuat bagi hutang ragu berdasarkan semakan ke atas semua jumlah belum dijelas pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

## 3. POLISI PERAKAUNAN (bersambung)

### 3.6 Instrumen kewangan (bersambung)

(ii) **Pemiutang**
Pemiutang dinyatakan pada kos yang merupakan pertimbangan akan dibayar pada masa hadapan untuk barangan dan perkhidmatan yang diterima.

(iii) **Pelbagai pemiutang**
Pelbagai pemiutang dinyatakan pada kos yang merupakan nilai saksama balasan untuk dibayar pada masa hadapan bagi barangan dan perkhidmatan diterima.

(iv) **Terimaan terdahulu yuran tahunan dan pendaftaran**
Terimaan terdahulu yuran tahunan diiktiraf atas asas akruan.

### 3.7 Percukaian

Secara umumnya, Lembaga merupakan sebuah organisasi yang bukan berlandaskan keuntungan dan punca pendapatan utamanya merupakan yuran pendaftaran dan yuran tahunan. Bagaimanapun, Lembaga juga mempunyai punca pendapatan yang lain seperti hasil faedah di mana ianya tidak tergolong di dalam pengecualian menurut Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 4) 2003.

### 3.8 Manfaat Kakitangan

Upah, gaji, insentif dan caruman keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun tertentu, di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan. Ketidakhadiran diberi pampasan jangka pendek terkumpul seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh kakitangan yang meningkatkan keberhakkan mereka kepada ketidakhadiran diberi pampasan masa hadapan, dan ketidakhadiran diberi pampasan jangka pendek bukan terkumpul seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

Gantian Cuti Rehat (GCR) diakru sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Pendapatan dan liabiliti manfaat kakitangan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Jumlah maksimum gantian cuti rehat ialah 150 hari.

### 3.9 Inventori

Inventori adalah diukurkan pada nilai yang lebih rendah antara kos dan anggaran harga jualan ditolak kos untuk siapan dan jualan. Kos inventori terdiri daripada semua kos pembelian, kos penukaran dan kos lain yang dilibatkan dalam membawa inventori ke lokasi dan keadaan semasanya. Kos inventori diukur dengan menggunakan kaedah masuk dahulu keluar dahulu. Pada setiap tarikh pelaporan, inventori dinilai untuk rosotnilai. Jika sesuatu item inventori dirosotnilai, amaun bawaan dikurangkan kepada harga jualan ditolak kos untuk siapan dan jualan; kerugian rosotnilai diiktiraf dengan serta merta dalam lebihan atau kurangan.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

## 3. POLISI PERAKAUNAN (bersambung)

### 3.9 Inventori (bersambung)

Pada setiap tarikh pelaporan kemudian, LJBM membuat penilaian baru harga jualan ditolak kos untuk siapan dan jualan. Jika terdapat sebarang tanda bahawa kerugian rosotnilai diiktiraf dalam tempoh sebelumnya mungkin tidak lagi wujud atau apabila terdapat bukti jelas peningkatan dalam harga jualan ditolak kos untuk siapan dan jualan disebabkan oleh perubahan keadaan ekonomi, kerugian rosotnilai dibalikkan setakat di mana amaun bawaan baru adalah lebih rendah antara kos dan harga jualan yang disemak semula ditolak kos untuk siapan dan jualan.

## 4. PERTIMBANGAN PERAKAUNAN KRITIKAL DAN SUMBER UTAMA KETIDAKPASTIAN ANGGARAN

### 4.1 Pertimbangan Kritikal dalam mengguna pakai dasar-dasar perakaunan

Penyediaan penyata kewangan yang memerlukan pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada polisi perakaunan dan jumlah aset yang dilaporkan, pendapatan dan perbelanjaan liabiliti. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran ini.

a) Kemerosotan Nilai Aset Kewangan

Akaun-akaun belum terima yang signifikan akan diuji untuk penurunan nilai secara berasingan dengan membuat anggaran aliran tunai yang dijangka dapat diperoleh semula. Akaun-akaun belum terima lain akan dikategorikan kepada kelas-kelas risiko kredit dan diuji untuk penurunan nilai secara bersekali, berdasarkan pengalaman lampau berkaitan statistik kerugian, pengumuran amaun-amuan melebihi tempoh dan tren ekonomi terkini.

b) Susut nilai Hartanah, Loji dan Peralatan

Kos sesuatu item hartanah, loji dan peralatan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus atau kaedah lain yang sistematik yang mencerminkan penggunaan manfaat aset dalam jangka hayatnya. Anggaran digunakan dalam pemilihan kaedah susut nilai, hayat berguna dan nilai sisa. Penggunaan sebenar manfaat ekonomi bagi hartanah, loji dan peralatan mungkin berbeza daripada anggaran yang digunakan dan ini membawa kepada keuntungan atau kerugian atas pelupusan akhirnya sesuatu hartanah, loji dan peralatan.

## 5. MAKLUMAT BAJET

Bajet tahunan disediakan pada asas tunai dan akruan. Memandangkan penyata kewangan disediakan menggunakan asas akruan, maka satu Penyata Prestasi Bajet didedahkan secara berasingan berdasarkan asas akruan. Penyata ini disediakan menggunakan asas penyediaan bajet tahunan.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

### 5. MAKLUMAT BAJET (bersambung)

Bajet tahunan asal ini telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Pengurusan Bilangan 5 pada 6 Februari 2020 dan disahkan serta diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Bilangan 5 pada 11 Februari 2020.

Bajet tahunan asal ini telah dipinda dan dibentangkan di dalam Mesyuarat Pengurusan Bilangan 7 pada 8 September 2020 dan telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Bilangan 7 pada 9 Oktober 2020.

### 6. KESAN PEMAKAIAN MPSAS

Penyata kewangan ini adalah merupakan penyata kewangan peralihan pertama bagi LJBM yang dibentangkan menggunakan rangka kerja perakaunan MPSAS di mana sebelum ini penyata kewangan LJBM disediakan mengikut Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) dan Akta Juruukur Bahan 1967 (Pindaan 2015) (Akta 487). Dasar-dasar perakaunan yang digunakan di dalam menyediakan penyata kewangan tahun kewangan ini adalah selaras dengan yang telah digunakan di dalam tahun kewangan sebelum ini.

### 7. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

| **Kos** | **Pada 01.01.2020** | **Tambahan** | **Pelupusan/ Pelarasan** | **Pada 31.12.2020** |
|---|---|---|---|---|
| | **RM** | **RM** | **RM** | **RM** |
| Perabot dan kelengkapan | 108,466 | 16,171 | — | 124,637 |
| Peralatan komputer | 64,449 | — | — | 64,449 |
| | **172,915** | **16,171** | — | **189,086** |

| **Susut nilai terkumpul** | **Pada 01.01.2020** | **Tambahan** | **Pelupusan/ Pelarasan** | **Pada 31.12.2020** |
|---|---|---|---|---|
| | **RM** | **RM** | **RM** | **RM** |
| Perabot dan kelengkapan | 39,400 | 12,399 | — | 51,799 |
| Peralatan komputer | 33,337 | 12,466 | — | 45,803 |
| | **72,737** | **24,865** | — | **97,602** |

| **Nilai bawaan** | **Pada 31.12.2020** | **Pada 31.12.2019** |
|---|---|---|
| | **RM** | **RM** |
| Perabot dan kelengkapan | 72,838 | 69,066 |
| Peralatan komputer | 18,646 | 31,112 |
| | **91,484** | **100,178** |

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

## 8. PELABURAN

| | 2020 | 2019 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Bhd | 1,606,888 | 1,555,665 |
| Amanah Raya Berhad | 2,927,539 | 2,807,425 |
| | **4,534,427** | **4,363,090** |

Pelaburan adalah pelaburan bagi tempoh 6 bulan dan 3 tahun (2019: 6 bulan dan 3 tahun) dan dikenakan faedah sebanyak 1.90% hingga 3.90% (2019: 3.30% hingga 4.50%).

## 9. ASET TAK KETARA

| **Kos** | Pada 01.01.2020 | Tambahan | Pelupusan/ Pelarasan | Pada 31.12.2020 |
|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM |
| Sistem dan aplikasi | 443,790 | 135,500 | – | 579,290 |
| | **443,790** | **135,500** | – | **579,290** |

| **Susut nilai terkumpul** | Pada 01.01.2020 | Tambahan | Pelupusan/ Pelarasan | Pada 31.12.2020 |
|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM |
| Sistem dan aplikasi | 391,367 | 60,849 | – | 452,216 |
| | **391,367** | **60,849** | – | **452,216** |

| **Nilai bawaan** | Pada 31.12.2020 | Pada 31.12.2019 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Sistem dan aplikasi | 127,074 | 52,423 |
| | **127,074** | **52,423** |

Aset tak ketara terdiri daripada Sistem Pendaftaran dan Pembaharuan secara Atas Talian (ReQSys) dan aplikasi Microsoft Office Home. Kos sistem dan aplikasi dilunaskan pada kadar 30% yang berdasarkan 3 tahun waranti jaminan yang diberikan oleh pihak pembekal.

## 10. INVENTORI

| | 2020 | 2019 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Tali Leher | 20,650 | 20,650 |
| Keronsang berwarna emas | 1,279 | 1,279 |
| Keronsang berwarna perak | 2,653 | 2,653 |
| Penanda buku | 84 | 84 |
| | **24,666** | **24,666** |

Inventori terdiri daripada ketegori barang siap. Tali leher dijual dengan harga RM100 seunit, keronsang dijual dengan harga RM50 seunit dan penanda buku dijual dengan harga RM10 seunit.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

### 11. PENGHUTANG

| | 2020 | 2019 |
|---|---|---|
| | | (Dinyatakan Semula) |
| | RM | RM |
| Yuran pembaharuan | 352,095 | 168,900 |
| Yuran pemulihan pendaftaran | 354,700 | 167,400 |
| Caj pentadbiran pemulihan pendaftaran | 65,250 | 36,450 |
| | 772,045 | 372,750 |
| Tolak : Peruntukan hutang ragu | (315,450) | — |
| | **456,595** | **372,750** |

Butiran pergerakan akaun peruntukan hutang ragu adalah seperti berikut:

| | 2020 | 2019 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Baki pada awal tahun | — | — |
| Tambahan/(pengurangan) tahun semasa | 315,450 | — |
| | **315,450** | — |

### 12. PELBAGAI PENGHUTANG

| | 2020 | 2019 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Yuran program *Continuing Professional Development* (CPD) | 10,926 | 34,301 |
| Deposit pendahuluan sewa mesin pencetak | 250 | 250 |
| Faedah belum terima | 16,400 | 24,120 |
| Lebihan cukai barang dan perkhidmatan (GST) belum terima | 3,829 | 3,829 |
| Lain-lain | 116,207 | 74,098 |
| | **147,612** | **136,598** |

### 13. SIMPANAN TETAP

| | 2020 | 2019 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Bank berlesen : | | |
| Maybank Islamic Berhad | 715,069 | 700,731 |
| | **715,069** | **700,731** |

Simpanan tetap adalah simpanan tetap di bank tempatan bagi tempoh simpanan selama 1 bulan (2019: 1 bulan) dan dikenakan faedah sebanyak 1.90% hingga 2.90% (2019: 2.90% hingga 3.15%).

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

## 14. TUNAI DAN BAKI BANK

| | 2020 | 2019 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Wang tunai di tangan : | | |
| Panjar wang runcit | 1,000 | 1,000 |
| Baki di bank : | | |
| Maybank Islamic Berhad - Akaun Semasa | 847,728 | 378,696 |
| Maybank Islamic Berhad - Akaun Semasa CPD | 863,427 | 866,277 |
| Bank Islam Malaysia Berhad - Akaun Semasa : | 848,221 | 411,411 |
| CIMB Bank Berhad - Akaun Semasa | 268,751 | 164,545 |
| | **2,828,127** | **1,821,929** |

## 15. PEMIUTANG

| | 2020 | 2019 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Terimaan terdahulu yuran pembaharuan | 404,000 | 323,720 |
| Terimaan terdahulu yuran pembaharuan permit | 512,100 | 445,646 |
| Terimaan terdahulu yuran pendaftaran | 54,600 | 43,100 |
| Terimaan terdahulu yuran pendaftaran permit | 38,400 | 14,000 |
| | **1,009,100** | **826,466** |

## 16. PELBAGAI PEMIUTANG

| | 2020 | 2019 (Dinyatakan Semula) |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Peruntukan untuk yuran audit | 12,354 | 12,354 |
| Peruntukan untuk yuran cukai | 4,140 | 4,140 |
| Belanja program CPD terakru | 675 | 600 |
| Elaun mesyuarat terakru | 11,750 | 55,815 |
| Peruntukan sumbangan 10% daripada lebihan kutipan CPD | 12,913 | 56,807 |
| Yuran pendaftaran *Quantity Surveyor International Convention* (QSIC) | — | 65,450 |
| Insentif kakitangan terakru | — | 11,700 |
| Terimaan terdahulu yuran pendaftaran CPD | — | 13,700 |
| Terimaan Geran daripada Kementeriaan Kerja Raya | 433,752 | — |
| Penyelengaraan sistem ReQSys 2.0 terakru | 132,500 | — |
| Lain-lain belanja terakru | 133,846 | 96,625 |
| | **741,930** | **317,191** |

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

### 17. DANA KHAS GANTIAN CUTI REHAT (GCR)

| | 2020 | 2019 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Baki pada 1 Januari | 28,930 | 127,051 |
| Tambah: Peruntukan tahun semasa | 11,419 | — |
| Tolak: Bayaran Gantian Cuti Rehat (GCR) tahun semasa | — | (25,310) |
| Tolak: Pelarasan Gantian Cuti Rehat (GCR) tahun semasa | — | (72,811) |
| Baki pada 31 Disember | **40,349** | **28,930** |
| **Pecahan Dana Khas Gantian cuti rehat (GCR)** | | |
| Ganjaran yang perlu dibayar dalam masa 12 bulan | — | — |
| Ganjaran yang perlu dibayar selepas 12 bulan | 40,349 | 28,930 |
| Baki pada 31 Disember | **40,349** | **28,930** |

Dana Khas Gantian Cuti Rehat (GCR) adalah merupakan peruntukan dikenakan secara perpindahan daripada dana kumpulan kepada Dana Khas Gantian Cuti Rehat (GCR).

### 18. PELBAGAI PEMIUTANG

| | 2020 | 2019 |
|---|---|---|
| | | (Dinyatakan Semula) |
| | RM | RM |
| Yuran pendaftaran | 254,300 | 263,450 |
| Yuran pembaharuan | 1,703,900 | 1,570,600 |
| Yuran pemulihan pendaftaran | 205,800 | 134,600 |
| | **2,164,000** | **1,968,650** |

### 19. KEUNTUNGAN ATAS SIMPANAN TETAP DAN PELABURAN

| | 2020 | 2019 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Pulangan pelaburan dan simpanan tetap | 183,953 | 213,119 |
| Faedah dari akaun semasa | 13,304 | 9,399 |
| | **197,257** | **222,518** |

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

### 20. PELBAGAI PENDAPATAN

| | 2020 | 2019 (Dinyatakan Semula) |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Yuran Majlis Penyampaian Sijil Profesional *Programme for QS Registration Scheme* | – | 3,550 |
| Majlis Akreditasi Ukur Bahan | 149,43 | 126,895 |
| Lebihan daripada *Quantity Surveyor International Convention* (QSIC) | – | 56,319 |
| Jualan tiket dan meja Majlis Makan Malam Anugerah LJBM | – | 3,000 |
| Majlis Peperiksaan Ukur Bahan dan APC | 57,900 | 74,500 |
| Kutipan iklan QS-Link | 9,600 | 6,300 |
| Jualan stamper juruukur bahan | 56,806 | 47,433 |
| Seminar *Corporate Directors Training Programme* (CDTP) dan bengkel | – | 12,600 |
| Caj penghantaran dokumen | 2,160 | 7,360 |
| Sumbangan dari JKR untuk Hari Teknikal dan Profesional Negara (STEM) | – | 1,885 |
| Jualan dokumen | 255 | 402 |
| Jualan kerongsang LJBM | – | 119 |
| Jualan tali leher LJBM | – | 750 |
| Jualan penanda buku | – | 12 |
| Pendapatan lain | 1,464 | 310 |
| | **277,619** | **341,435** |

### 21. EMOLUMEN DAN ELAUN KAKITANGAN

| | 2020 | 2019 (Dinyatakan Semula) |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Gaji | 833,485 | 747,156 |
| Caruman Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (KWSP) | 104,073 | 93,148 |
| Caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) | 11,686 | 10,511 |
| Lain-lain ganjaran | 41,416 | 49,293 |
| | **990,66** | **900,108** |

LJBM mempunyai 17 orang (2019: 17 orang) kakitangan yang terdiri daripada 12 orang (2019: 11 orang) berstatus tetap, 4 orang (2019: 5 orang) berstatus kontrak dan 1 orang (2019: 1 orang) berstatus pekerja sambilan harian setakat 31 Disember 2020.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

## 22. ELAUN LEMBAGA PENGARAH

| | 2020 | 2019 (Dinyatakan Semula) |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Elaun mesyuarat | 85,965 | 152,347 |
| Lain-lain manfaat | 28,004 | 15,454 |
| | **113,969** | **167,801** |

## 23. PERBELANJAAN LAIN

| | 2020 | 2019 (Dinyatakan Semula) |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Pembaharuan lesen sistem UBS | 560 | 560 |
| Yuran audit | 12,354 | 12,354 |
| Sumbangan kepada *Royal Institution of Surveyors Malaysia* | 5,000 | 5,000 |
| Yuran seminar *Corporate Directors Training Programme* (CDTP} | – | 11,627 |
| Perkhidmatan pesanan ringkas | 1,100 | 1,055 |
| Makan malam Royal Institution of Surveyors Malaysia | – | 6,000 |
| Pelarasan dan pelupusan inventori | – | 2,071 |
| Yuran profesional *International Organization for Standardization* | 2,544 | 8,358 |
| Yuran perundangan | 2,226 | 4,410 |
| Majlis Penyampaian Sijil Profesional | – | 19,758 |
| Kongres *Pacific Association of Quantity Surveyors* (PAQS) | – | 67,289 |
| Majlis Akreditasi Ukur Bahan | 44,867 | 91,457 |
| Majlis Peperiksaan Ukur Bahan dan APC | 35,242 | 53,272 |
| Stamper juruukur bahan | 48,648 | 53,012 |
| Yuran perkhidmatan percukaian | 4,140 | 7,080 |
| Hadiah dan cenderamata | – | 10,198 |
| Baucar pendaftaran ahli secara pukal | 20,800 | 20,700 |
| Pelupusan hartanah, loji dan peralatan | – | 6,083 |
| Perbelanjaan pengubahsuaian ruang pejabat | 3,460 | 34,588 |
| Perbelanjaan Hari Tekninal dan Profesional Negara (STEM) | – | 1,885 |
| Bengkel perancangan strategik teknologi maklumat | – | 2,880 |
| Caj lewat bayar KWSP | – | 821 |
| Pelarasan suntikan modal penganjuran program QS *Graduate Conference* (PQRS) 2015 | – | 10,000 |
| Pendapatan lain | 1,464 | 2,211 |
| | **185,663** | **432,669** |

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

### 24. CUKAI PENDAPATAN

| | 2020 | 2019 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Cukai bagi tahun kewangan: | | |
| Peruntukan cukai bagi tahun kewangan | 29,362 | 36,109 |
| Baki pada 31 Disember: | **29,362** | **36,109** |

Cukai pendapatan Lembaga adalah dikira pada kadar berkanun 17% (2019: 18%) pada anggaran pendapatan cukai boleh ditaksir untuk tahun kewangan.

Penyesuaian bagi perbelanjaan cukai pendapatan yang berkenaan keuntungan sebelum cukai pada kadar cukai pendapatan berkanun kepada perbelanjaan cukai pada kadar cukai pendapatan efektif adalah seperti berikut:

| | 2020 | 2019 (Dinyatakan Semula) |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Lebihan pendapatan sebelum cukai | 771,505 | 1,224,946 |
| Cukai pada kadar berkanun 17% (2019: 18%) | 131,156 | 220,490 |
| Kesan cukai ke atas: | | |
| Pendapatan yang dikecualikan cukai | (438,153) | (597,469) |
| Perbelanjaan yang tidak dibenarkan untuk tolakan cukai | 340,531 | 417,032 |
| Lebihan peruntukan cukai tahun lalu | (4,172) | (3,944) |
| Cukai bagi tahun kewangan | **29,362** | **36,109** |

### 25. PENYATAAN SEMULA ANGKA PERBANDINGAN

Angka-angka perbandingan adalah selaras dengan persembahan dan pengkelasan penyata kewangan tahun lepas kecuali seperti yang dinyatakan berikut:

| | Dinyatakan terdahulu | Pelarasan | Dinyatakan semula |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| Penyata kedudukan kewangan: | | | |
| **Aset Semasa** | | | |
| Penghutang | 371,650 | 1,100 | 372,750 |
| **Liabiliti Semasa** | | | |
| Pelbagai pemiutang | 295,625 | 21,566 | 317,191 |
| **Diwakili oleh:** | | | |
| Dana terkumpul | 6,422,191 | (20,466) | 6,401,725 |

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

### 25. PENYATAAN SEMULA ANGKA PERBANDINGAN (bersambung)

| | Dinyatakan terdahulu | Pelarasan | Dinyatakan semula |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| **Penyata pendapatan:** | | | |
| **Pendapatan** | | | |
| Yuran ahli | 1,967,600 | 1,050 | 1,968,650 |
| Pelarasan yuran ahli terdahulu terlebih dan terkurang catat | (5,465) | 700 | (4,765) |
| Pelbagai pendapatan | 341,480 | (45) | 341,435 |
| **Perbelanjaan** | | | |
| Emolumen dan elaun kakitangan | 899,108 | 1,000 | 900,108 |
| Elaun lembaga pengarah | 173,626 | (5,825) | 167,801 |
| Kemudahan penyelenggaraan dan pembaikan | 144,457 | 26,310 | 170,767 |
| Perbelanjaan program *Continuing Professional Development* (CPD) | 512,135 | 3,619 | 515,754 |
| Perhubungan dan utiliti | 19,752 | (1,868) | 17,884 |
| Pengangkutan dan perjalanan | 12,068 | (170) | 11,898 |
| Perbelanjaan lain | 433,564 | (895) | 432,669 |
| **Penyata perubahan ekuiti:** | | | |
| Lebihan pendapatan selepas cukai tahun 2019 | 1,209,303 | (20,466) | 1,188,837 |
| **Penyata aliran tunai:** | | | |
| **Aliran tunai daripada aktiviti operasi:** | | | |
| Lebihan pendapatan sebelum cukai | 1,245,412 | (20,466) | 1,224,946 |
| **Perubahan dalam modal kerja:** | | | |
| Peningkatan dalam penghutang | (249,000) | (1,100) | (250,100) |
| Peningkatan dalam pelbagai pemiutang | 27,210 | 21,566 | 48,776 |

### 26 GERAN DAN PEMBERIAN KERAJAAN

| | 2020 | 2019 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Baki pada 1 Januari | — | — |
| Tambah : Terimaan dalan tahun semasa | 433,752 | — |
| Baki pada 31 Disember | **433,752** | — |

Terimaan Geran daripada Kementeriaan Kerja Raya seperti yang dinyatakan da!am Nota 16 kepada penyata kewangan diiktiraf sebagai geran tertunda di Penyata Kedudukan Kewangan dan dilunaskan sebagai hasil bersamaan dengan amaun bawaan liabiliti yang memenuhi syarat.





Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
*This page is intentionally left blank*



Tingkat 17, Blok F, Ibu Pejabat JKR,
Jalan Sultan Salahuddin,
50582 Kuala Lumpur

603-2610 7823
603-2610 8147
603-2610 8140

603-2692 5680

www.bqsm.gov.my